

# KONSEP KEADILAN DALAM HISTORIOGRAFI MELAYU ISLAM KURUN KE-13 SEHINGGA KE-19

Oleh:  
Tatiana Denisova\*

## Abstrak

Kajian teks-teks sejarah Melayu Islam kurun ke 13 sehingga ke 19 menunjukkan bahawa di dalamnya terdapat banyak istilah dan maklumat yang berkaitan dengan falsafah. Dalam teks-teks sejarah Melayu Islam terdapat banyak rumusan yang mencerminkan konsep keadilan, konsep kerajaan dan konsep hukuman pembalasan Ketiga-tiga konsep tersebut mempunyai hubungan yang sangat erat. Biasanya dalam maklumat tentang *kerajaan yang adil* selalu terdapat keterangan mengenai ciri-ciri keadilan dan mengenai cara-cara memerintah negara secara adil. Analisis maklumat-maklumat tentang *raja adil* yang dirakamkan dalam karya-karya sejarah Melayu Islam kurun ke 13 sehingga ke 19 membantu kita memahami definisi-definisi keadilan yang wujud dalam masyarakat Melayu pada masa itu. Analisis maklumat-maklumat tersebut menunjukkan bahawa dalam historiografi Melayu Islam telah wujud konsep keadilan yang lengkap dan yang umum. Makalah ini mengemukakan dan menganalisis petikan teks-teks

---

\* Tatiana Denisova .....

di atas khususnya yang berkaitan dengan isu keadilan. Analisis kosa kata bahasa Melayu klasik dan juga penelitian bahan-bahan dan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan konsep keadilan itu membuktikan secara jelas bahawa dalam masyarakat Melayu wujud *sistem kerajaan* dan *sistem akhlak* dan *ta'dib* yang lengkap yang sesuai dengan rukun-rukun Islam Sunnah.

**Katakunci:** Sumber-sumber sejarah Melayu Islam; Konsep keadilan; Konsep kerajaan; Konsep hukuman pembalasan; Raja yang adil; Raja yang tidak adil; Nafsu; Akhlak

### Abstract

The analysis of Malay Islamic historical texts from the thirteenth to the nineteenth centuries reveals much philosophical definitions therein. The Malay Muslim historical chronicles contain a lot of information and references about the *concept of justice*, the *concept of governance (ruling)* and the *concept of punishment*, all of which are closely connected with each other. The content analysis of reports about *raja yang adil* (the just or perfect ruler) from Malay Muslim historical texts of thirteenth to the nineteenth centuries help us to interpret the definitions of justice widespread in Malay society at that time. The results of this study clearly prove that in Malay Muslim historiography (as well as in Malay society at large) there existed already a comprehensive as well as general concept of justice. This article provides the selected texts that deal particularly with the issue of justice together with its analysis. The results of its study clearly proves that in Malay Muslim historiography (as well as in Malay society) in the thirteenth to the nineteenth centuries, there existed already a complete system of morality and ethics (*akhlak* and *ta'dib*) satisfying all the requirements of the Sunnah.

**Keywords:** Sources of Malay Islamic history; the concept of justice; the concept of kingdom; laws; the just and the unjust ruler; the concept of desire; Ethics

## Pendahuluan

Kajian teks-teks sejarah Melayu Islam kurun ke-13 sehingga ke-19 menunjukkan bahawa di dalamnya terdapat banyak istilah-istilah dan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan falsafah. Walaupun setiap teks mempunyai ciri-ciri khasnya, di dalamnya terdapat juga suatu ulangtutup yang umum dari sudut isi maklumat-maklumat serta dari sudut gaya bahasa dan subjek-subjeknya. Ternyata semua karya-karya tersebut mewakili tamadun historiografi yang sama.

Sebagai sumber kajian, kita memilih 6 teks sejarah yang mewakili berbagai zaman dan berbagai arah dalam sejarah perkembangan tamadun Melayu Islam, iaitu:

### 1. *Hikayat Raja Pasai*<sup>1</sup>

<sup>1</sup> *Hikayat Raja Pasai* (HRP) adalah hikayat mengenai sejarah negara Pasai dan mencerminkan tempoh yang terawal dalam historiografi Melayu Islam. Tarikh HRP masih belum dapat ditentukan lagi. Walaupun tidak tercatat apa-apa tarikh dalam HRP, namun kita dapat menduga bahawa hikayat ini mencakupi jangka waktu kira-kira antara tahun 1280 hingga 1400 Masihi atau dari tahun 680 hingga 800 Hijrah. Versi yang lebih kurang ? telah tersusun dalam bentuk yang terakhir ini mungkin siap pada akhir abad yang ke 14. Salinannya muncul di Jawa pada tahun 1797. Terdapat tiga buah naskhah HRP. Naskhah yang paling terkenal ialah naskhah MS Raffles Malay N. 67 yang tersimpan di The Royal Asiatic Society, London (Ms A). Naskhah yang kedua ialah naskhah yang disalin langsung daripada Ms A yang dilakukan oleh seorang sarjana Perancis, Edouard Dulaurier pada tahun 1838, tersimpan di Bibliotheque Nationale Paris, No Mal.-Pol.50. Naskhah ini hampir tidak berguna untuk kerja perbandingan. Naskhah yang ketiga ialah naskhah yang baru ditemui pada tahun 1986 di London. Ia dibeli oleh British Library pada 1986 (Ms B). Terdapat 6 edisi teks *Hikayat Raja Pasai*: 1) Edisi Edouard Dulaurier (1849). *Collection des Principales Chroniques Malayes. Premier fascicule La chronique du Royaume de pasesy*. Paris. Edisi Jawinya bermutu tinggi, malah mungkin lebih baik daripada edisi-edisi yang diterbitkan selepasnya; 2) Edisi J.P. Mead (1914), *A Romanised version of The Hikayat Raja-raja Pasai*. JSBRAS, 66 Singapore, h. 1-55; 3) Edisi Dr. A. H. Hill (1960), "Hikayat Raja-Raja Pasai, a revised romanised version with an English translation, an introduction and notes." *JMBRAS* 33, Bhg 2. Ia adalah edisi yang paling lengkap; 4) Teuku Ibrahim Alfiah (1973), *Kronika Pasai. Sebuah Tinjauan Sejarah* Yogyakarta.; 5) Russel Jones (1987), *Hikayat Raja Pasai*. KL.; 6)

## 2. Sejarah Melayu<sup>2</sup>

*Hikayat Raja Pasai*. Dikaji dan diperkenalkan oleh Russel Jones (1999), Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan & Penerbit Fajar Bakti.

- <sup>2</sup> *Sejarah Melayu* adalah suatu karya Melayu yang paling terkenal. Di dalamnya terdapat hikayat mengenai sejarah Melaka kurun 15-16. Tarikh munculnya *Sejarah Melayu* itu belum ditentukan lagi, begitu juga dengan nama pengarangnya. Menurut pendapat beberapa ilmuwan, karya tersebut dikarang oleh Bendahara Melaka Tun Seri Lanang. Terdapat 29 naskah dan tiga versi *Sejarah Melayu*: 1) Yang pertama yang lebih terkenal sebagai gugusan yang mulanya diterbitkan oleh Abdullah Munsyi di Singapura (1831) iaitu gugusan "batu sawar" (Johor). Tarikh timbulnya kira-kira pada tahun 1612. Versi ini mempunyai 34 bab dan diawali oleh sebuah mukaddimah yang menyatakan bahawa yang diminta menuliskan hikayat ini ialah Bendahara paduka Raja Tun Muhammad (Tun Seri Lanang). Inilah versi yang tersebar luas di Malaysia, Indonesia dan malah di seluruh dunia. Gugusan itu terdiri daripada puluhan salinan (St.peterburg, London, Manchester, Leiden, DBP); 2) Terdapat suatu gugusan lagi yang belum dikenal luas. Teksnya belum diterbitkan dalam bentuk buku. Terdapat hanya dua naskah dimana versi yang tertuanya adalah sekitar tahun 1536: a. Naskah pertama naskah 18 Koleksi Raffles yang mengandungi teks penuh dan terdapat di Royal Asiatic Society, London; b. Naskah Cod.Or. 1704 di perpustakaan Universiti Leiden. Ia tidak lengkap (100 halaman pertama); Versi itu mempunyai 8 bab yang tidak terdapat dalam versi yang pertama. Susunan babnya juga agak berlainan sedikit daripada susunan naskah gugusan pertama. Mukaddimahnya lebih pendek. Nama pengarang tidak diturunkan dan terdapat tarikh karya tersebut ditulis pada tahun 1612. 3) Versi Pasir Raja. Tarikhnya belum dapat ditentukan. Ia terdapat dalam naskah Raffles Malay 18-203 hlm. 25 baris sehalaman (halaman pertama- 17), dakwat hitam dan merah. Naskah salinan ini tidak bertarikh. Ia ditulis pada kertas Ingeris dan ada cap air (C.Wilmott 1812). Naskah ini diserahkan kepada RAS oleh isteri Raffles pada tahun 1830. Terdapat berbagai-bagai edisi teks ini. Yang paling terkenal di antaranya: Dulaurier E. (ed) *Collection des principales chroniques malayes*. t.1-2, h. 1849; Shellaber W.G. (ed) (1967), *Sejarah Melayu*, Kuala Lumpur; Situmorang D.T., Teeuw (ed) (1958), *Sejarah Melayu menurut terbitan Abdullah*. Jakarta; Winstedt R.O. (ed) (1938), "The Malay Annals or Sejarah Melayu". *JMBRAS*, vol. 16, h. 3; Brown C.C. (1968), *Sejarah Melayu or Malay Annals. A translation of Raffles Ms. 18*. Kuala Lumpur; Blagden C.O. (1925), "An Unpublished variant version of Malay Annals". *JMBRAS*, vol.III, h. 1.; Iskandar T. (1964), *Tun Seri Lanang Pengarang Sejarah Melayu*, Jil.8, bil.11. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka; Roolvink R. (1967), The Versions of the Malay annals. *BTVL*, deel 123, afl 3. Dalam kajian ini kita menggunakan edisi yang terakhir: Sulalat al-Salatin, ya'ni Perteturan segala Raja-Raja (*Sejarah Melayu*). Karangan Tun Seri Lanang. Dikaji dan diperkenalkan oleh Muhammad Haji Salleh (1997). KL: Yayasan Karyawan & DBP.

3. *Hikayat Aceh*<sup>3</sup>
4. *Peringatan Sejarah Negri Johor*<sup>4</sup>
5. *Hikayat Siak*<sup>5</sup>

<sup>3</sup> Tarikh timbulnya *Hikayat Aceh* belum ditentukan tetapi semestinya teks ini dikarang antara tahun 1606-1636 pada masa kerajaan Sultan Iskandar Muda. Terdapat beberapa naskhah *Hikayat Aceh*. Antara lain yang digunakan dalam penerbitan T. Iskandar yang paling lengkap itu ialah Mss Cod. Or. 1954 (naskhah A) dan Mss Cod. Or. 1983 (naskhah B) daripada koleksi Legatum Warnerianum di Perpustakaan Universiti Leiden. Yang pertama adalah salinan daripada suatu naskhah dari perpustakaan Isaak de Saint Martin akhir kurun ke-17. Ia berasal dari kumpulan naskhah Jawa, Melayu dll. yang dipindahkan ke perpustakaan Universiti Leiden sekitar tahun 1871. Yang kedua adalah salinan daripada naskhah pertama itu. Menurut catatan pada kolofon, tarikh timbulnya ialah pada 9/3/1847, lihat *Hikayat Aceh*. Dikaji dan diperkenalkan oleh Teuku Iskandar (2001). Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan, h. 117.

<sup>4</sup> *Peringatan Sejarah Negri Johor* mewakili tradisi orang Melayu Johor. Kitab itu dikarang pada pertengahan kurun ke-XVIII. Pengarangnya belum diketahui. Ia berupa kumpulan dokumen-dokumen dan kisah-kisah yang mempersembahkan kegiatan dan riwayat hidup Sultan Suleiman Badr al-Alam Shah (1699-1760). Kini terdapat 2 buah naskhah dari teks ini: (1) Naskhah KL 24B yang tersimpan di Perpustakaan Universiti Leiden dalam koleksi H.K. von Klingkert. Ia disalin di Riau pada tahun 1863-1866; (2) Naskhah Von de Wall 196 yang tersimpan di Perpustakaan Lembaga Kebudayaan Indonesia di Jakarta sejak tahun 1873. Ia disalin di antara tahun 1855 dan 1873. Kedua-dua naskhah tersebut digunakan dalam edisi yang pertama yang disiapkan oleh E.U. Kratz pada tahun 1973. Nama buku tersebut dalam Bahasa Jerman "Peringatan Sejarah Negri Johor - Eine malaische Quelle zur Geschichte Johors im 18. Jahrhundert", ertinya: "Peringatan Sejarah Negri Johor - Suatu Sumber Sejarah Melayu Tentang Johor Pada Abad ke-XVIII".

<sup>5</sup> Menurut catatan kolofon, dalam salah satu naskhahnya teks itu disurat atau dirawikan oleh Tengku Said pada tahun 1272 Hijrah atau pada tahun 1855 Masihi. Seluruh naratif *Hikayat Siak* menjangkau suatu period sejarah yang panjang, mulai zaman sebelum kerajaan Melaka kurun ke-XV sampai ke pertengahan abad ke-XIX. Pada masa ini terdapat empat buah naskhah dari teks *Hikayat Siak*: (1) Naskhah yang dianggap naskhah unggul, tersimpan di Perpustakaan Muzium Pusat di Jakarta, kodnya (W 191; M 1,44). Teksnya berhuruf Arab/Jawi dan ciri fizikalnya jelas dan baik. Ia disalin pada tahun 1856; (2) Naskhah yang lain tersimpan di Perpustakaan Royal Asiatic Society, London, dikodkan sebagai (Mal. 138) dan diberikan judul *Sejarah Raja-raja Melayu*. Ia pernah dikatalogkan oleh M. C. Ricklefs dan P. Voorhoeve; (3) Dua buah naskhah lagi dari teks yang sama terdapat di Perpustakaan Universiti Leiden (Universiteit Bibliothek). Kedua-duanya diberikan kod (Cod. Or. 6342) dan (Cod. Or. 7304). Naskhah yang kedua terdapat dalam ortografi tangan tulisan Jawi, sementara

## 6. *Tuhfat an-Nafis*<sup>6</sup>

naskhah yang pertama juga terdapat dalam tulisan Jawi. Ia disalin pada tahun 1893 di Aceh. Semua naskhah-naskhah tersebut pernah digunakan dalam edisi teks yang disiapkan oleh Muhammad Yusoff Hashim (1992), *Hikayat Siak. Dirawikan oleh Tengku Said*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- <sup>6</sup> Dalam judul *Tuhfat an-Nafis* terdapat dua karya berjudul sama. Karya-karya ini dianggap oleh para ahli sebagai dua versi daripada satu karangan. Tentu saja kedua-duanya dikarang pada masa yang hampir sama, iaitu pada pertengahan abad ke-19 dan di tempat yang sama, iaitu di Pulau Penyengat (Kepulauan Riau-Lingga). Kedua-duanya mewakili tradisi bangsa Bugis dalam historiografi Johor. Teks yang pendek (88000 perkataan) dikarang oleh Raja Ahmad Bin Raja Haji (1779-1879) manakala teks yang panjang (126000 perkataan) dikarang oleh anaknya Raja Ali Haji Bin Raja Ahmad (1809-1872). Teks yang pendek terdapat dalam sebuah naskhah yang tersimpan di Perpustakaan Koninklijk Instituut voor Taal-, Land- en Volkenkunde di Leiden. Naskhah ini adalah salinan yang dikerjakan di Pulau Penyengat pada tahun 1896. Ciri-ciri fizikal naskhah ini baik sekali dan oleh kerana itu, barangkali, naskhah ini dijadikan naskhah induk untuk edisi Virginia Matheson tahun 1982. Teks yang panjang pula kini wujud dalam 5 naskhah: (1) Naskhah Maxwell 2M5, tersimpan di Perpustakaan Royal Asiatic Society di London. Naskhah ini adalah salinan yang disalinkan di Selangor pada bulan Mac 1890 dan ia dilakukan untuk residen Selangor Sir William Maxwell. Di dalamnya ada tambahan mengenai sejarah Riau setelah tahun 1865. Ciri-ciri fizikal kurang baik jika dibanding dengan naskhah von Hasselt. Naskhah ini pernah digunakan dalam edisi R. O. Winstedt (1932) dan V. Matheson (1982); (2) Naskhah R. O. Winstedt dikerjakan (dalam bentuk litograf) pada tahun 1923 dari naskhah yang lebih lama. Bentuknya hampir sama dengan naskhah Maxwell dan ia berhuruf Jawi. Di dalamnya ada banyak kesalahan mekanik. Pernah digunakan di semua edisi *Tuhfat an-Nafis*; (3) Naskhah Dewan Bahasa dan Pustaka. Ia tersimpan di Perpustakaan DBP Malaysia. Ia hampir sama dengan naskhah Maxwell tetapi ciri-ciri fizikalnya lebih baik. Ia pernah digunakan dalam edisi V. Matheson; (4) Naskhah Universitas Leiden yang tersimpan di Perpustakaan Universiti Leiden sejak tahun 1954. Ia berhuruf Jawi dan pertama kali digunakan dalam edisi V. Matheson tahun 1991. Nama penyalin tidak tercatat; (5) Naskhah Terengganu yang terdapat pada tahun 1986 dan tersimpan di Perpustakaan Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Ia disalin pada tahun 1886 di Terengganu. Ia berhuruf Jawi dan ciri-ciri fizikalnya adalah baik sekali dan ia belum diterbitkan. Adapun tentang edisi *Tuhfat an-Nafis*, kini terdapat 5 edisi dari naskhah *Tuhfat an-Nafis* yang saya namakan tadi. Mengenai *Tuhfat an-Nafis* sebagai sumber sejarah lihat antara lain: Matheson Hooker, V., "*Tuhfat al-Nafis*" *Sejarah Melayu-Islam*. Kuala Lumpur, 1991; Winstedt R.O., 'Malay Text of "*Tuhfat al-Nafis*"' dalam *JMBRAS*, vol. 10, part. 2. 1932; Matheson V., Andaya B.W. *The Precious*

Bahan-bahan tentang falsafah yang terdapat dalam teks-teks tersebut boleh dibahagikan kepada 16 kategori yang mencerminkan pelbagai konsep atau definisi falsafah. Kategori tersebut adalah sebagaimana berikut:

1. Sumber hikmah merangkumi maklumat-maklumat mengenai sumber hikmah dan falsafah iaitu pengakuan dan puji-pujian nama Allah SWT sebagai sumber ilmu, falsafah dan hikmah.
2. Konsep kudrat iaitu rukun Islam dan pengakuan bahawa semua peristiwa-peristiwa, sifat-sifat dan perbuatan-perbuatan manusia dikadarkan oleh Allah SWT.
3. Konsep Alam Akhirat iaitu rukun Islam dan pernyataan mengenai kematian dan wujudnya jiwa selepas kematian.
4. Konsep Tauhid iaitu rukun Islam dan pengakuan keesaan Allah SWT.
5. Konsep Keadilan iaitu sistem pandangan mengenai definisi "adil" yang bererti antara lain meletakkan semua barang atau bahan pada tempat yang sepatutnya.
6. Konsep Kerajaan iaitu sistem pandangan Islam mengenai kerajaan dan cara pemerintahannya.
7. Konsep Hukuman atau Pembalasan iaitu sistem pandangan Islam mengenai hukuman yang adil dan mengenai pembalasan sewajarnya dari Allah SWT atas semua dosa dan perbuatan-perbuatan yang jahat.
8. Konsep Hudud iaitu rukun syariat mengenai perbuatan-perbuatan yang dihukumkan sesuai dengan yang disebutkan dalam al-Qur'an.

---

*Gift: Tuhfat al-Nafis, Raja Ali Haji ibn Ahmad. Kuala Lumpur, 1982. Mengenai Tuhfat al-Nafis lihat juga Denosova T., 'Tuhfat an-Nafis – dua karangan dengan nama yang sama', dalam Penelitian Sumber-sumber Sejarah Timur dan Cabang-cabang Ilmu Sejarah Yang Istimewa, Keluaran 4. Moscow, 1995; Denisova T., Tuhfat an-Nafis Sebagai Sumber Sejarah Melayu Abad ke-XVII–XIX. Moscow, 1998; Denisova T., 'Historiografi Negeri Johor (XVII–XIX): Tradisi-tradisi, Tujuan-tujuan dan Cara-cara Dicapainya' dalam Penelitian Sumber-sumber Sejarah Timur dan Cabang-cabang Ilmu Sejarah Yang Istimewa, Keluaran 6. Moscow, 2003.*

9. Konsep asal-usul raja iaitu sistem pandangan mengenai asal-usul raja-raja yang adil yang mempunyai hak memerintahi negeri Islam.
10. Konsep *Fardu 'Ayn* iaitu rukun Islam dan pernyataan mengenai kewajipan yg dituntut (ditentukan) oleh agama, iaitu yang wajib bagi setiap orang Islam seperti sembahyang lima waktu, puasa dan sebagainya; *Fardu Kifayah* iaitu fardu bersama yang wajib bagi orang banyak, misalnya mengebumikan mayat dan sebagainya.
11. Tasawuf iaitu sistem ajaran (usaha, jalan) untuk mengenal Tuhan dengan benar-benar dan mendekatkan diri dengan Tuhan, falsafah dan metafizik dalam Islam.
12. Konsep nafsu iaitu sistem pandangan mengenai nafsu iaitu kehendak hati yang kuat untuk melakukan sesuatu yang melampau atau kurang baik, dan mengenai akibatnya iaitu kerugian keadilan dan kerosakan masyarakat dan negara yang adil.
13. Konsep syahadah iaitu rukun Islam dan pengakuan bahawa tiada Tuhan melainkan Allah SWT dan Muhammad s.a.w. itu pesuruhNya.
14. Konsep persaudaraan Islam iaitu sistem pandangan dan pernyataan bahawa semua manusia mempunyai hak yang sama di depan Allah SWT dan semua orang Muslim adalah saudara-saudara dalam ummat Islam.
15. Didaktik iaitu sistem ajaran dan nasihat mengenai cara kehidupan yang patut dan adil.
16. Konsep syirik (*politeism*), iaitu pandangan Islam mengenai perbuatan menyekutukan Allah SWT dengan yang lain seperti beribadat selain kepada Allah SWT dengan menyembah patung, tempat keramat, dan sebagainya.

Maklumat-maklumat mengenai falsafah terkandung dalam kosa kata Bahasa Melayu yang amat kaya dan pelbagai bentuknya. Kebanyakannya berasal dari Bahasa Arab atau tercampur: kata-kata Bahasa Arab yang sudah dimelayukan, iaitu yang sudah diterima bentuk dan cara perubahannya sesuai dengan tata Bahasa Melayu. Misalnya:



**i. Konsep Tauhid**

Maka dipohonkan kepada *Allah Tuhan segala alam* barang ditetapkan kiranya kerajaannya dan *dikekalkan Allah adilnya dan disempurnakan Allah untung daulatnya* supaya oleh tempat akan pernaungan segala makhluk Allah, selama ada peredaran siang dan malam pada antara kita kedua pihak ini dengan sejahtranya. Adanya. Amin, *ia rabbul-'alamin* PSNJ 40.9-10 (66)

**ii. Konsep Syahadah**

Dan *dahulu Allah wa ba'adu Rasul* sahaya gantungkan harap sahaya kepada ayah ... HS 543 (202)

**iii. Konsep Kudrat**

*Dengan takdir Allah Ta'ala kepada segala hamba-Nya* maka kelengkapan Laksamana Nakhoda Sekam datang ke hulu Kuala Pahang ... dll. PSNJ 11.1 (46)  
19.15 (53)  
21.10 (55)

*Dengan kodrat iradat Allah Ta'ala*, maka perahunya pun dapat dan kubunya pun dapat ... PSNJ 22.5 (55)

... demi baginda mendengar sembah laksmana itu maka adalah pikiran baginda: *Jikalau dikehendaki Allah Ta'ala barang dimana pun mati juga jikalau sudah bilangan.* PSNJ 11.6-7(46)

*Allah Ta'ala melakukan kodrat iradat atas segala hambanya - adalah disebabkan tiap-tiap sesuatu itu* PSNJ 12.6-7(47)

*Dengan takdir Allah Taala* berlaku kepada hamba-Nya HS 408 (112)

Maka *ditakdirkan Allah Taala* tumbuh rumput dicelak lukanya HS 409 (112)

Mudah-mudahan Allah Taala beri dapat beruntunglah hakhoda HS 413(115)

“*Jikalau betul asal dari raja Johor hendaklah Allah Taala tawarkan air yang masin menjadi tawarlah*“ HS 428(125)

- “... jikalau sudah *janji daripada Allah Taala* dan sahaya mintak isi kahwin sahaya...” HS 440 (133)
- Akan Siak ini di dalam tangan kita juga, *dengan kuasa Allah Taala* HS 488 (164)
- Sahaya serahkanlah kepada Allah Subhanahu wa Taala akan diri berjalan HS 506 (177)  
558(212)
- Dengan izin Allah Taala maka turun lah hujan terlalu lebat HS 557 (212)
- Tiada boleh seseorang hendak membinasakan hambanya jikalau *tiada dengan izin Allah Taala* HS 609 (248)
- Datanglah Takdir Allah yang amat kuasa serta melakukan kehendak-Nya atas segala hamba-Nya dengan *hikmat-Nya yang mubalighat* TN225.11(398)  
237.1(412)
- Apa boleh buat! *Kehendak Tuhan kita Allah SWT* TN 165.11(322)  
234.11(409)  
300.11(491)
- ...sampailah sudah waktu saat dan bilangan janjinya *qadak dan qadar Allah SWT* dengan sebab hikmat Allah yang balighat: *La man'a lima 'ataytuhu wa la radda lima kadaitahu wa inna hu 'ala ma yasha'u kadirun* TN 237.1(412)
- iv. Konsep Alam Akhirat**
- Kemudian daripada itu *kembali ke rahmat Allah Ta'ala* meninggalkan negeri yang fana ke negeri yang baka pada tengah tiga puluh hari ... PSNJ 44.2 (69)
- Maka Sultan Mahmud Syah pun *kembali ke rahmatullah, qalu inna lillahi wa inna ilaihi raji'un* HS 470 (153)  
573 (223)
- Dan orang *mengaji* di makam bonda baginda empat puluh hari dan *tahlil* dan bersedekah baginda kepada fakir miskin HS 430 (127)  
*Tahlil* yang mengandu-

ngi kalimah  
 "la ilaha  
 illa Allah"  
 berulang-  
 ulang (sbg  
 puji-pujian  
 kpd Allah)  
 dan sedekah -  
 pemberian  
 kpd fakir  
 miskin dll  
 (dgn ikhlas).  
 Mengaji -  
 membaca  
 Qur'an.

Al-ghazi la-mujahid fi ikamat *kalimat Allah* hiya TN 30.1 (158)  
 al-ulya *al-syahid* fi *sabil Allah* ahyahu Allah 41.11 (173)  
 iyyahu bi-rizk al-ni'mah fi *jannat al-far-daus* (terdapat lebih  
 kama kala Allah Ta'ala dari  
 20 kali)

Maka iapun mangkat lah kembali ke rahmat Allah TN 50.11 (183)  
 Ta'ala, meninggalkan *negri yang fana* kembali ke (terdapat lebih  
*negri yang baka* kalu *inna li'Llahi wa inna ilaiHi* dari  
*ra'jun* 40 kali)

...serta memberitahu atas hamba-Nya akan TN 11.1 (255)  
*kekejian dunia yang tiada kekal dan nikmatnya* 295.11(484)  
*yang tiada tentu* pada hal berpindah-pindah  
 daripada satu hal kepada satu hal keadaanya  
 supaya segala hamba-Nya *jangan mengasihi*  
*dunia ini dan hendaklah kasihkan akhirat negri yang*  
*kekal dan nikmatnya yang maha besar* dan  
 kerajaannya yang maha besar

... maka datanglah pula fitnah dunia yang TN 225.11(398)  
 keruh yang menunjukkan *dunia ini negeri yang*  
*tiada kekal dan nikmat yang tiada tentu*, supaya  
*mengambil ibarat orang yang mempunyai mata*  
*hati akan tiada harus mengasihi dunia ini maka*  
*hendaklah kasih akan akhirat negri yang kekal dan*  
 nikmatnya yang tiada berkeputusan

Data-data penelitian kosa kata Bahasa Melayu klasik dan data-data statistik menunjukkan bahawa istilah-istilah Bahasa Arab ditemui di dalam semua teks sejarah Melayu. Definisi-definisi tersebut terdapat dalam teks-teks Melayu lama bukan kerana penulis (perawi atau penyalin) sekadar mengikut gaya karangan tersendiri dan lebih banyak memakai kata-kata dan definisi Bahasa Arab. Sebaliknya penggunaan istilah-istilah Arab ini dianggap sebagai ciri khas bahasa ilmiah dalam masyarakat Melayu abad ke-XIII sehingga ke-XIX. Ini membuktikan bahawa Bahasa Melayu Klasik tersebut sudah diislamisasikan dan ini mencerminkan bahawa kehidupan intelektual dan pandangan awam masyarakat Melayu telah turut diislamisasikan. Kaitan di antara *islamisasi* bahasa dan islamisasi pemikiran ini jelas sebagaimana yang ditegaskan oleh Prof. al-Attas:

We have also defined *Islamization* as involving first the *Islamization* of language, and this fact is demonstrated by the Holy Qur'an itself when it was first revealed among the Arabs. Language, thought and reason are closely interconnected and are indeed interdependent in projecting to man his worldview or vision of reality. Thus the *Islamization* of language brings about the *Islamization* of thought and reason.<sup>7</sup>

Dalam teks-teks sejarah Melayu Islam, terdapat banyak rumusan yang mencerminkan konsep keadilan,<sup>8</sup> konsep kerajaan, konsep hukum pembalasan. Ketiga-tiga konsep

<sup>7</sup> Syed Muhammad Naquib al-Attas (1993), *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: ISTAC, h. 45.

<sup>8</sup> Profesor Syed Muhammad Naquib al-Attas merumuskan konsep keadilan (raja yang adil, negara yang adil): "The social order of Islam encompasses all aspects of man's physical and material and spiritual existence in a way which, here and now, does justice to the individual as well as the society; and to the individual as a physical being as the individual as spirit, so that a Muslim is at once himself and his Community, and his Community is also he, since every other single member strives, like him, to realize the same purpose in life and to achieve the same goal. The social order of Islam is the Kingdom of God on earth, for in that order God, and not man, is *still* the King, the Supreme Sovereign Whose Will and Law and Ordinance and Commands and Prohibitions hold absolute sway. Man is only His vicegerent or *khalifah*, who is given the trust of government, the *amanah*, to rule according to God's Will and His Pleasure. When we say "rule",

tersebut mempunyai hubungan yang sangat erat. Biasanya dalam maklumat tentang *kerajaan yang adil* selalu terdapat keterangan mengenai ciri-ciri keadilan dan mengenai cara-cara memerintah negara secara adil. Sebutan mengenai *raja yang tidak adil* disambungkan dengan keterangan mengenai ciri-ciri kerajaan yang tidak adil. Setiap sebutan tentang dosa, nafsu, perbuatan yang jahat atau baginda yang tidak adil biasanya disambungkan dengan cerita mengenai pembalasan yang sewajarnya yang dilaksanakan oleh Allah SWT terhadap orang atau negeri yang salah tersebut berserta dengan amaran terhadap hawa nafsu. Konsep-konsep tersebut adalah amat penting dan terdapat dalam semua karya-karya sejarah.<sup>9)</sup>

Dalam *Hikayat Raja Pasai*<sup>9)</sup> terdapat berbagai maklumat mengenai *raja yang adil*. Kebanyakannya dalam bentuk *wasiat*, atau nasihat-nasihat peringatan yang diberikan oleh sultan yang tua kepada para pewarisnya. Misalnya:

*Raja yang adil*

Sumber	Teks	Bentuk	Sifat keadilan
<i>Hikayat Raja Pasai</i>	"Hai perdana menteri kedua, baik-baik kamu kedua memelihara cucuku kedua Insya'llah Ta'ala jangan kamu beri bersalahan ia dua bersaudara serta kamu kedua ajari; hendaklah jangan kamu kedua mengubahkan setia kamu akan cucuku kedua dan jangan kamu menyembah segala raja-raja yang lain daripada cucuku; hubaya-hubaya jangan kamu beri teraniaya daripada segala hamba Allah dan jangan kamu mengerjakan segala pekerjaan yang bersalahan dengan hukum Allah karna firman Allah	nasihat-nasihat (wasiat) Malik al-Saleh kepada orang-orang besarnya:	Untuk orang-orang besar: - Kebaktian (taat) terhadap sultan - Kesetiaan terhadap sumpah setia - Memelihara baginda & negeri - hukumkan dan merajakan secara adil dari nama sultan

we do not simply mean to refer to the socio-political sense of 'ruling', for we mean by it also - indeed far more fundamentally so - the ruling of one's self by itself, since the trust refers to responsibility and freedom of the self to do justice to itself". Lihat Syed Muhammad Naquib al-Attas (1993). *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: ISTAC, h. 66.

<sup>9)</sup> Di sini dan seterusnya teks *Hikayat Raja Pasai* dipetik dari edisi *Hikayat Raja Pasai*. Dikaji dan diperkenalkan oleh Russel Jones (1999). Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan & Penerbit Fajar Bakti.

	<p>Taala dalam Qur'an demikian bunyinya (BHS ARB) ertinya:<sup>10</sup> Barang siapa tiada menghu-kumkan dengan barang hukum yang diturunkan Allah, maka bahawasanya mereka jadi kafir.”</p> <p>HRP 49(24)</p>		
	<p>“Hai cucuku kedua, ketahuilah oleh kamu kedua, karna aku ini sakit sangat, rasanya hampirlah hukum Allah Taala akan daku berpindah daripada negeri yang fana' ke negeri yang baqa itu. Adapun peninggal-ku ini baik-baik kamu kedua memeli-harakan pekerjaan <u>al-amr bi'l-ma'ruf wa l-nahu 'an il-munkar</u>.<sup>11</sup> Sebermula jangan kamu banyak tamak akan harta dunia, karna dunia ini tempat segala yang maghrur dan jangan sangat kamu ingin akan segala yang tiada memberi manfaat akan kamu di akhirat, dan jangan kamu tiada muafakat dua bersaudara daripada segala pekerjaan kamu; jangan sekali-kali bersalahan antara kamu kedua bersaudara, supaya dikararkan Allah Taala engkau kedua dalam kerajaan dan supaya di-perkenankan Allah segala pinta kamu daripada segala yang kebajikan dan jangan kamu melalui seperti barang yang di-titahkan Allah akan kamu dan jangan kamu taksir pada mengerjakan pekerjaan yang kebajikan dan meninggalkan pekerjaan yang kejahatan dan menyuruhkan segala orang berbuat kebajikan dan me-larangkan segala orang berbuat kejahatan serta adil kamu kedua bersaudara akan segala rakyat kamu itu. Huba-hubaya</p>	<p>nasihat-nasihat (wasiat) Malik al-Saleh kepada orang cucunya</p>	<p>Untuk yang dipertuan besar:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Memelihara kerajaan</li> <li>- Jangan tamak terhadap harta dunia</li> <li>- Muafakat dengan keluarga dan orang-orang besar</li> <li>- Ikut ajaran orang-orang yang tuha-tuha dan</li> <li>- Melaksanakan amalan secara baik-baik</li> <li>- Mengkukuh agama</li> <li>- Menjaga kerajaan dan negeri</li> <li>- Keadilan terhadap isi negara</li> <li>- Hukumkan secara adil</li> <li>- Menjaga semua orang-orang besar-</li> </ul>

<sup>10</sup> Surah al-Ma'idah, 5: 47 yang bernaksud “Dan hendaklah orang-orang pengikut Injil, memutuskan perkara menurut apa yang diturunkan Allah di dalamnya. Barangsiapa tidak memutuskan perkara menurut apa yang diturunkan Allah, maka mereka itu adalah orang-orang yang fasik.”

<sup>11</sup> Surah Luqman, 31: 17, yang bermaksud “Hai anaku, dirikanlah salat dan suruhlah (manusia) mengerjakan yang baik dan cegahlah (mereka) dari perbuatan yang mungkar dan bersabarlah terhadap apa yang menimpa kamu. Sesungguhnya yang demikian itu termasuk hal-hal yang diwajibkan (oleh Allah)”

	<p><i>jangan tiada engkau turut wasiatku ini, cucuku kedua”</i></p> <p>HRP 50-51(25)</p>	<p><i>besar dan pegawai-pegawai supaya jangan membuat jahat terhadap rakyat</i></p>
	<p><i>“Hai anakku ... baik-baik engkau memeliharakan dalam kerajaanmu ini akan segala pekerjaan amar Allah dan amar Rasullullah dan menegahkan segala larangan keduanya, dan jangan kau lalui seperti firman Allah Taala dan seperti sabda Nabi Muhammad Rasullullah SAW. ... jangan tiada engkau turut seperti pesanku ini; dan jika pada sesuatu pekerjaan hendaklah engkau mesyuarat dengan segala menteri yang tuha-tuha dan jangan segera engkau berbuat sesuatu pekerjaan hingga baiklah mesyuaratmu dengan segala menteri hulubalangmu, maka engkau kerjakan. Dan perbanyak olehmu sabarmu pada segala pekerjaan yang tiada patut pada syarak dan jangan engkau meniyai dan membinasakan segala hamba Allah Taala tiada dengan sebenarnya, dan jangan engkau melalui al-amr bi'l-ma'ruf wa l-nahu 'an il-munkar. Hai anakku, karna dunia ini negeri yang fana' tiada akan kekal adanya, dan akhirat juga negri yang baka ...”</i></p> <p>HRP 70-71(33-34)</p>	<p>nasihat-nasihat wasiat Malik al-Mahmud kepada anaknya Sultan Ahmad</p> <p>Untuk Yang Di-pertuan besar: - Memelihara kerajaan - Mengerjakan amaran Allah SWT - Mengkukuh agama - Ikut sabda Nabi SAW - Musyawarat dengan orang besar-besar - Kesabaran - Hukum yang adil - Keadilan terhadap isi negara</p>
	<p><i>“.. karna paduka anakda itu amat baik rupanya. Jika ia memakai cara jawa serupa jawa, dan jika ia memakai cara Cina serupa Cina, dan jika ia memakai cara Siam serupa Siam, dan jika ia memakai cara Arab serupa Arab.</i></p> <p>HRP 96(47)</p>	<p>Sabda baginda</p> <p><i>rupa yang baik</i></p>

Maklumat yang terakhir mengumumkan definisi kecantikan yang menggambarkan sifat tamadun Melayu yang istimewa iaitu keterbukaan dan toleransi - prinsip-prinsip yang paling penting untuk masyarakat yang berbilang bangsa.

Dalam *Hikayat Aceh*<sup>12</sup> terdapat:

<p><i>Hikayat Aceh</i></p>	<p>“... maka tatkala sultan itu dalam tahta kerajaan terlalu ma'mur negeri Aceh Dar as-Salam dan segala dusunnya dan segala ta'luknya daripada berkat adibnya dan murahya dan netiasa sultan itu berbathath dengan segala orang yang tahu-tahu pada "ilmu hakikat" HA 77(34)</p>	<p>Cerita mengenai kemakmuran negara dirajakan oleh raja yang adil - Sultan Ala ad-Din Ri'ayat Syah Marhum Sayyid al-Mukammil (Syah Alam)</p>	<p>Untuk Yang Dipertuan Besar - Keadilan - Memelihara negeri - Pemurah - Muafakat dengan orang alim</p>
	<p>“Raja Mansur Syah... terlalu baik parasnya lagi perkasya lagi budiman dan bijaksana HA 78(34)</p> <p>“Maka ada Sultan Mansur Syah itu ... lagi kecil sekira-kira sepuluh tahun usia maka disuruhkan ayahanda baginda sultan itu mengaji kepada Fakih Khoja Manassih ...maka dilihat Fakih Khoja Manassih pada muka sultan Mansur Syah itu bercahaya laku hingga dada baginda. Maka fakir fakih seketika di dalam hatinya “Bahawa Sultan Mansur Syah ini terlalu bahagianya pada bicaraku. Mudah-mudahan daripada zuriat sultan inilah memangkikkan kerajaan ini datunya marhum yng telah lalu itu” HA 113-114(48)</p>	<p>Cerita mengenai Raja Mansur Syah (Sultan Mansur Syah - anak cucu Sultan Ala Ad-Din Ri'ayat Syah, ayah Sultan Iskandar Muda);  Penjelasan mengenai mimpi ajaib</p>	<p>Rupa yang baik - Menuntut ilmu - Kebijaksanaan - Asal usul yang murni - Memelihara negeri - Mengumpulkan segala raja-raja Masyrik Maghrib - Keadilan</p>

<sup>12</sup> Di sini dan seterusnya teks *Hikayat Aceh* dipetik dari edisi *Hikayat Aceh*. Dikaji dan diperkenalkan oleh Teuku Iskandar (2001), Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.



	<p>"...Tuanku, ada pun ta'bir mimpi sultan itu insya'Allah Ta'ala (tadapat) tiadalah daripada zuriat sultan menjadi raja yang maha kuasa lagi terlalu besar gahnya lagi mengempulkan segala raja-raja daripada segala pihak Timur dan daripada segala pihak Barat. Dan paduka anakda itulah melimpahkan cahaya adilnya dan ialah matahari yang betak di bumi masyrik ini"</p> <p>HA 115(48)</p>		
	<p>..". maka sehari kepada sehari dan sebulan kepada sebulan dan setahun kepada setahun bertambah juga baik paras dan sikap pahlawan ...akal yang sempurna dan bicara yang sejahtera pada merintahkan sesuatu permainan</p> <p>HA 12-1287(53)</p> <p>"Adapun perang tuan kita ini seorang tiada mati dan tiada luka daripada berkat do'a yang dibacakan tuan kita ini dan memakai pegawai dan memakai manik sekaliannya menjadi kebal"</p> <p>HA 154-155(64-65)</p> <p>"Maka ada seorang bernama Syarif Kasim. Berkata dia: Adapun Perkasa Alam ini pada penglihat hamba yang telah dinyatakan Allah Ta'ala pada rahasia hamba, baginda inilah yang menalukkan segala negeri Melayu dan menghukumkan masyrik maghrib daras-Salam ini dan beribu-ribu raja di bawah istananya"</p> <p>HA 175(72)</p> <p>"Maka sabda Syah Alam "Cucuku inilah bernama Muhammad Hanafiah Akhir Zaman yang mengalahkan Deli dan menangkap Merah Miru dan berhamba raja Johor dan segala raja-raja Melayu dan mengalahkan segala raja-raja yang tiada mau ta'luk ke Aceh. Dan cucuku inilah yang mengempulkan bumi masyrik dan ialah yang</p>	<p>Cerita mengenai raja adil - Sultan Iskandar Muda</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Rupa yang baik</li> <li>- Keberanian</li> <li>- Kebijaksanaan</li> <li>- Memelihara rakyat</li> <li>- Menaklukkan segala negeri Melayu</li> <li>- Mengumpulkan segala raja-raja Masyrik Maghrib</li> <li>- Asal usul yang murni</li> <li>- Menjadi Khalifah Allah</li> <li>- Mengkukuh agama</li> </ul>

	<p>menyunjung karunia Allah Ta'ala menjadi khalifah Allah yang di dalam negeri Aceh Dar as-Salam dan negeri Tiku dan Pariaman dengan menyatakan adilnya ke atas segala isi negeri yang diserahkan Allah Ta'ala kepada tangannya dan ialah mengempulkan dan menjadikan segala raja-raja Melayu itu hamba padanya dan kuasanya” HA 202-203(83)</p> <p>“Syahdan telah ada    pekerja'an Johan 'Alam kerajaan dalam negeri Aceh Dar as-Salam itu netiasa menyuruhkan segala hulubalang dan segala ra'yat kecil besar mendirikan agama Allah dan rasul-Nya. Syahdan netiasa Johan 'Alam itu memeri titah kepada segala wazir baginda itu menyusun ghurab yang besar-besar diniatkan niat mujahid dan ghaza dengan segala kuffar 'alaih'i'l-la'nat. Dan akan akan negeri itu tiada berkota seperti 'adat kota negeri yang lain dengan kerana amat banyak gakah perang yang dalam negeri itu. HA 236(95-96)</p>		
	<p>“...maka dianugerahi Johan Alam akan mereka itu sekalian (fakir dan miskin - T.D.) tujuh puluh tahil derham.” HA 182(74) (sedekah dalam bentuk duit)</p> <p>“Maka disuruh Johan Alam beli segala buah-buahan dan beberapa daripada hayam suap dan daripada minuman hendak bermain suka-sukaan.” HA 182-183(75) (sedekah dalam bentuk makanan)</p> <p>“... paduka cucunda ini terlalu tangkas akalunya lagi amat bijaksana, dan amat fasihat lidah paduka ini dan tiada ada menduui cucunda ini pada akal dan pada bijaksana.” HA 194(79)</p>	<p>Cerita mengenai amalan-amalan raja yang adil - Sultan Iskandar Muda</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pemurah</li> <li>- Memelihara rakyat</li> <li>- Kebijaksanaan</li> <li>- Menuntut ilmu</li> <li>- Keberanian dan pandai dalam ilmu pendekar dall ilmu-ilmu tentara yang lain</li> <li>- Mengkukuh agama</li> <li>- Pembela Islam</li> </ul>

	<p>“... jikalau dalam negeri Mekah dan Madinah daripada segala anak mufti tiada ada segera 'alim seperti paduka cucunda ini”</p> <p style="text-align: right;">HA 197(80)</p> <p>“... bahawa ada kelakuan Johan Alam belayan pedang perisai itu seperti kilat tatkala melompat ke kiri dan ke kanan ...”</p> <p style="text-align: right;">HA 199(81)</p> <p>“... lalu memeri titah sultan kepada wazir a'zam dan kepada wazir yang lain “hai kamu segala wazir, pada bicaraku pada zaman dahulu kala jua dijadikan Allah Ta'ala dua orang Islam yang amat besar dalam dunia ini, seorang Nabi Allah    Sulaiman, seorang Raja Iskandar juga, seperti sembah Celebi Ahmad dan Celebi Ridwan ini. Maka pada zaman kita sekarang ini pun ada jua dijadikan Allah Ta'ala dua orang raja yang amat besar dala 'alam dunia ini. Maka yang daripada pihak maghrib kitalah raja yang amat besar, dan daripada pihak masyrik itu Seri Sultan Perkasa 'Alam raja yang besar dan raja yang mengeraskan agama Allah dan agama Rasul Allah”</p> <p style="text-align: right;">HA 237(96)</p>		
--	--	--	--

Maklumat-maklumat tersebut dirumuskan dalam bentuk *panegyric*, iaitu puji-pujian terhadap Sultan Iskandar Muda - Yang Dipertuan Besar Aceh Darussalam. Konsep *keadilan* yang dirakamkan dalam teks tersebut mempunyai kaitan yang erat dengan tugas-tugas yang nyata (praktis) yang perlu diselesaikan oleh raja negara Aceh masa itu. Tugas itu adalah sebagai berikut: mengumpulkan negara-negara Melayu ke bawah perintah suatu sultan yang umum; mengkonsolidasikan semua negeri-negeri dan raja-raja Melayu Islam untuk menentang musuh-musuh yang umum,

iaitu orang Portugis yang melanggar dan menghapuskan Melaka. Sultan Aceh menaklukkan negara-negara yang berjiran dan menyebarkan kuasanya ke seluruh Alam Melayu. Kerana itulah di antara kriteria-kriteria keadilan yang dirakamkan dalam *Hikayat Aceh* menyebut bahawa salah satu fungsi raja yang paling adil adalah pembangunan suatu negara Islam yang bersatu di seluruh dunia, yaitu - *mengumpulkan segala raja-raja Masyrik Maghrib Dar as-Salam*. Hal ini mencerminkan suasana *bellicosity* (sifat suka berperang) yang masa itu tersebar di dalam pandangan masyarakat Melayu Aceh. Suasana tersebut adalah akibat daripada kegiatan orang Portugis yang terkenal kerana kekejamannya. Dalam teks-teks sejarah yang lain (yang sebelum *Hikayat Aceh* dan juga yang selepasnya) sebutan "*mengumpulkan segala raja-raja Masyrik Maghrib*" tidak diketemui lagi.

Dalam *Sejarah Melayu*<sup>13</sup> terdapat:

<i>Sejarah Melayu</i>	<p>“...maka bahawa ia sanya kemuliaan tempat dan zaman, dan ia perhiasaan segala kedudukan orang yang beriman, dan ia menerangkan segala tangga ta’at dan kebajikan, dan ditambahi Allah Taala kiranya dengan kelebihan dan kemurahan.”</p> <p style="text-align: right;">SM 1(3)</p>	Puji-pujian mengenai Sultan Alauddin Ri’ayat Syah	Untuk Yang Dipertuan Besar <ul style="list-style-type: none"> <li>- Memelihara negara</li> <li>- Menuntut ilmu</li> <li>- Mengkukuh agama</li> <li>- Pandai dalam ilmu usul ad-din</li> </ul>
	<p>“...Hai anakku kedua dan segala taulanku, kamu pegawaiku, bahawa aku ini telah hampirlah. Jikalau aku mati, jangan berbanyak tama' kamu akan segala arta orang, dan jangan kamu ingin akan isteri anak hamba kamu-</p>	nasihat -nasihat (wasiat) Malik al-Saleh	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Keadilan</li> <li>- Kemurahan</li> <li>- Jangan tama' harta orang</li> <li>- Muafakat dengan</li> </ul>

<sup>13</sup> Di sini dan seterusnya teks *Sejarah Melayu* dipetik dari edisi *Sulalat al-Salatun, ya'ni Perteturun segala Raja-Raja (Sejarah Melayu)*. Karangan Tun Seri Lanang. Dikaji dan diperkenalkan oleh Muhammad Haji Salleh (1997). Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan & DBP.

	<p><i>kamu kedua, muafakat dua bersaudara dan jangan kamu bersalahan dua bersaudara</i><sup>14</sup></p> <p>SM 39(48)</p>		<p><i>keluarga dan orang-orang besar</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- <i>Memelihara negara</i></li> <li>- <i>Kesediaan</i></li> </ul>
	<p><i>"Adapun engkau hendaklah baik-baik memelihara hamba mu sekalian, barang salahnya hendaklah banyak ampunmu akan dia karena firman Allah Ta'ala "inna llaha ma' assabrin"</i></p> <p><i>Syahdan jikalau datang sesuatu pekerjaanmu dan pekerjaan Allah, maka dahulu akan olehmu pekerjaan Allah daripada pekerjaanmu.</i></p> <p>SM 109(134)</p>	<p>Nasihat-nasihat (wasiat) Sultan Mansur Syah kepada anaknya Sultan Alauddin Ri'ayat Syah</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- <i>Memelihara rakyat</i></li> <li>- <i>Hukumkan dengan adil</i></li> <li>- <i>Ampun dosa</i></li> <li>- <i>Berbuat ibadat</i></li> </ul>
	<p><i>"Hai anak cucuku, jangan kamu tukarkan agama dengan dunia, yang dunia ini tiada akan kekal adanya. Syahdan yang hidup sahaja akan mati juga kesudahan. hendak lah kamu tuliskan hatimu pada berbuat kebaktian pada Allah SWT dan akan Rasulullah s.a.w., dan berbuat kebaktian akan raja dan jangan kamu kelupai pada segala hukuman bahawa raja-raja yang adil itu dengan nabi Allah upama dua permata pada sebetuk cincin. Lagipun yang raja itu upama ganti Allah. Apabila berbuat kebaktian akan Nabi Allah serasa berbuat kebaktian akan Allah seperti firman Allah Ta'ala di dalam Qur'an "Berbuat baktilah kamu</i></p>	<p>Nasihat-nasihat (wasiat) Bendahara Paduka Raja kepada anak cucunya</p>	<p>Untuk orang besar-besar:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- <i>Kebaktian (taat) terhadap raja</i></li> <li>- <i>Kebaktian dalam Islam kepada Allah SWT dan Nabi s.a.w.</i></li> <li>- <i>Hukumkan dengan adil</i></li> </ul>

<sup>14</sup> Maklumat tersebut adalah mengenai wasiat Sultan Malik al-Saleh kepada anak cucunya. Maklumat mengenai subjek yang sama terdapat dalam HRP yang semestinya digunakan oleh pengarang SM. Tetapi dalam halaman tersebut tidak terdapat unsur-unsur dan kosa kata yang sama, walaupun kriteria keadilan adalah sama. Ternyata dalam maklumat tersebut pengarang SM menggunakan sumber yang lain. Gaya bahasanya lebih ringkas dan isinya berbeza. Misalnya, dalam HRP dalam nasihat Malik as-Saleh terdapat: *Sebermula jangan kamu banyak tamak akan harta dunia; dan dalam SM terdapat: jangan berbanyak tamak kamu akan segala harta orang, dan jangan kamu ingin akan isteri anak hamba kamu-kamu kedua.* Maksudnya menjadi lebih nyata dan tidak berkaitan dengan hikmah yang tinggi.

	<p><i>akan Allah dan akan Rasulullah. Ini wasiatku kepada kamu semua. Hendaklah jangan semua lupa supaya kebesaran dunia akhirat kamu sekalian peroleh”</i> SM 116(143-144)</p>		
--	---	--	--

Maklumat tersebut mencerminkan bahawa pada awal kurun ke-15 tidak semua penduduk Melaka memeluk Islam. Terdapat ramai orang beragama lain yang berwibawa dan kaya-kaya. Pergaduhan di antara kelompok-kelompok saudagar Hindu-Budha dan ummat Muslim masih belum selesai.<sup>15</sup> Kerana itulah nasihat yang terutama adalah - *jangan tukar agama dengan dunia.*

	<p><i>“Adapun peninggalku ini hendaklah anakku berbuat ibadat sangat-sangat, jangan anakku mengambil hak segala manusia dengan tiada sebenarnya, kerana segala hamba Allah semuanya terserah kepadamu. Jikalau kesukaran baginya, hendaklah segera engkau tolong, jikalau teraniaya ia hendaklah segera kau periksyai baik-baik, supaya di akhirat jangan diberatkan Allah atasnya lehermu, kerana sabda Nabi SAW: Kullukum ra’in wa-kullukum masulun min ra’iyyati’, ya’ni: Segala kamu yang mengembala lagi akan ditanya daripada kebelaan kamu. Ertinya segala raja di akhirat lagi akan ditanyai Allah daripada segala</i></p>	<p>Nasihat-nasihat (wasiat) Sultan Alauddin Ria’yat Syah</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Berbuat ibadat</li> <li>- Memelihara negeri</li> <li>- Merajakan secara adil</li> <li>- Menghukumkan secara adil</li> <li>- Mengukuh ugama</li> <li>- Muafakat dengan orang-orang besar-besar</li> <li>- Kebijaksanaan</li> <li>- Kesabaran</li> </ul>
--	--	--	---

<sup>15</sup> Mengenai situasi politik di Melaka lihat D.G.E. Hall (1955). *A History of South-East Asia*. London: Wilkinson R.J. (1935). ‘The Malacca Sultanate’ dalam *JMBRAS*, 13 (ii); Zainal Abidin Wahid (1983), ‘Power and Authority in the Melaka Sultanate: The Traditional View’ dalam Sandhu K. S. Wheatley P., *Melaka: The Transformation of a Malay Capital, c.1400-1978*. KL; Denisova T. (2002), ‘Islam Di dalam Alam Melayu Abad XIII–XVII’, dalam *Sejarah Perkembangan Tamadun Islam*, Jilid 2. Moscow.

kebelaannya daripada segala ra'yatnya, sebab demikianlah maka harus engkau berbuat adil dan syaksyam, supaya di sana dipelihara Allah Ta'ala kiranya engkau dalam akhirat. Syahdan hendaklah engkau muafakat dengan segala perdana menteri dan segala orang besar-besar, kerana raja-raja itu jikalau bagaimana sekalipun bijaksananya dan tahunya sekalipun jikalau tiada ia muafakat dengan segala pegawai tiada akan sentosa adanya, dan tiada akan dapat ia melakukan 'adilnya. Adapun raja-raja itu upama api, segala perdana menteri upama kayu, karena api itu jikalau tiada kayu tiada akan nyala. "Arra'iyati juan bakhasta sultan dirakht." Ertinya yang ra'yat itu upama akar, raja itu upama pohonnya, jikalau tiada akar nescaya pohon tiada akan dapat berdiri. Demikianlah raja-raja itu dengan segala ra'yatnya. Adapun segala anak Melayu jikalau bagaimana sekalipun besar dosanya jangan segera kau bunuh, melainkan yang patut pada hukum Allah, kerana segala Melayu itu tuanmu, seperti hadith "Al'abdu tinul murabbi", ertinya yang hamba itu upama tuannya, jikalau kau bunuh ia dengan tiada dosanya, bahawa kerajaanmu binasa. Hai anakku, hendaklah kau ingatkan segala wasiatku ini, syahdan engkau kerajaan supaya berkat engkau diberi Allah."

SM 122(152)

	<p><i>"Maka Sultan Iskandar Syah pun memerintahkan istiadat kerajaan baginda, ialah pertama baginda berbuat menteri empat orang duduk dib alai akan mengacarai dan berbuat, bentara berdiri di tapakan, empat puluh sebelah, akan menyampaikan barang suatu titah raja dan membuat segala anak tuan-tuan akan biduanda kecil, pekerjaannya akan membawa segala alat raja."</i></p> <p style="text-align: right;">SM 49(58)</p>	<p>Maklumat mengenai kewajipan dan kegiatan raja yang adil.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Merajakan secara adil</li> <li>- Memelihara negeri</li> <li>- Mengaturkan orang-orang besar</li> </ul>
	<p><i>"Setelah Raja Tengah berapa lama di atas kerajaan maka baginda pun terlalu adil pada memelihara segala ra'yat. Seorang pun raja-raja di dalam alam ini tiada samanya pada zamannya itu"</i></p> <p style="text-align: right;">(SM 49(58))</p>	<p>Maklumat mengenai raja adil</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Memelihara rakyat</li> </ul>
	<p><i>"Sebermula berapa lamanya Sultan Muhammad Syah di atas kerajaan maka terlalulah 'adil baginda pada memelihara segala ra'yat. Maka negeri Melaka pun terlalu besarlah dan segala dagang pun berkampung, dan jajahan Melaka pun makin banyaklah. Arah dari Barat sehingga Beruas Unjung, arah Timur hingga Terengganu UjungKarang. Maka masyhurlah dari bawah angin datang ke atas angin bahawa negeri Melaka terlalu besyar, syahdan rajanya daripada bangsa anak cucu Iskandar Zulkarnain. Maka raja-raja pun sekaliannya datang ke Melaka mengadap Sultan Muhammad Syah. Maka oleh sultan segala raja-</i></p>	<p>Maklumat mengenai raja adil</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Memelihara rakyat</li> <li>- Memperbaiki negeri</li> <li>- Meramai-kan negeri</li> <li>- Asal-usul yang murni</li> <li>- Membesarkan perniagaan</li> <li>- Pemurah</li> </ul>



	<p><i>raja yang datang semuanya dihormati oleh baginda dengan sepeertinya dan dianugerahai persalin yang mulia-mulia dan dianugerahai arta emas perak terlalu amat banyak."</i></p> <p>SM 55-56(65)</p>		
	<p><i>"Setelah Sultan Muzaffar Syah di atas kerajaan terlalulah baik fi'il baginda dengan adilnya dan murahnyanya dan saksamanya pada memeriksyai segala ra'yat baginda. Syahdan ialah menyuruhkan menyurat kitab undang-undang supaya jangan lagi bersalah segala hukum menterinya."</i></p> <p>SM 61(71)</p>	<p>Maklumat mengenai raja adil</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Memelihara negeri</li> <li>- merajakan secara adil</li> <li>- Hukumkan secara adil</li> <li>- Memelihara rakyat</li> <li>- Pemurah</li> </ul>

Maklumat mengenai *raja yang adil* yang dirakamkan dalam *Sejarah Melayu* terdapat dalam pelbagai bentuk. Isinya adalah lebih luas dan nyata kalau dibandingkan dengan *Hikayat Raja Pasai*. Dalam *Sejarah Melayu* disebutkan pertama kali beberapa kriteria *kemakmuran negeri*, misalnya - meramaikan negeri, membesarkan perniagaan dan lain-lain. Ternyata kemakmuran ekonomi dan kesejahteraan rakyat dianggap sebagai kewajiban sultan Melaka yang utama. Semua ini mencerminkan bahawa Islam memajukan perkembangan masyarakat Melayu bukan hanya dalam bidang kehidupan intelektual semata-mata, malah dalam bidang ekonomi juga. Hal ini menafikan prasangka yang tersebar dalam karya-karya para Orientalis Barat bahawa Islam tidak mempengaruhi dan tidak memajukan perkembangan ekonomi di Alam Melayu.<sup>16</sup>

<sup>16</sup> Mengenai prasangka-prasangka dan kesalahfahaman yang sering terdapat dalam Oriental studies lihat antara lain Denisova T. (2005), "A Step Towards Avoidance of Misunderstanding and Conflict: Uncovering Some Western Myths regarding Malay-Islamic Historical Sources" dalam *International Seminar "The Truth Of Islam: A Vision For The Ummah And The Rest Of The World*, Kota Kinabalu, Sabah, 21-22 Disember 2005 / 19-20 Zulkaedah 1426h.

Konsep keadilan yang lengkap juga terdapat dalam teks-teks sejarah negeri Johor (kurun ke-18 sehingga ke-19). Terdapat maklumat-maklumat mengenai *raja yang adil* yang menyebut tentang kriteria-kriteria keadilan yang sama sebagaimana yang telah disebutkan di atas. Kosa kata dan definisi-definisi keadilan dalam semua teks-teks sejarah Johor mengandungi ciri-ciri yang umum, walaupun ketiga-tiga teks tersebut mewakili 3 tradisi historiografi Johor dan pengarangnya yang mempertahankan pandangan yang berbeza atau kadang kala yang berlawanan.

Dalam karya-karya Johor, raja adil bukan hanya disebutkan kepada Yang Dipertuan Besar Johor atau sultan Johor, bahkan juga kepada Yang Dipertuan Muda Johor (dari keluarga raja-raja Bugis), bendahara Johor, para bangsawan Minangkabau-Siak Johor. Hal ini mencerminkan situasi politik yang nyata, iaitu persaingan di antara tiga kelompok-kelompok bangsawan (Melayu, Bugis, Minangkabau) untuk mendapat takhta Johor. Misalnya, dalam *Peringatan Sejarah Negeri Johor* terdapat syair yang mengandungi sifat-sifat keadilan dan fungsi-fungsi bendahara yang adil:

PSNJ	<p><i>Bendahara seri maharaja Johan bangsawan lakunya sahaja sederhana elok ditentang durja laksana shams berkandung teja</i></p> <p><i>Johan muhtasham lakunya sahda menjadi bendahara ganti ayahnya johan tidak berbanyak chanda menjadi tiang kerajaan baginda</i></p> <p><i>Johan pun asal bangsa bahari tiang kerajaan turus negeri sederhana perhimpun sekalian menteri di desa penah adat berdiri</i></p> <p><i>Berdiri adat sahaja terbilang aturlah menteri duduk hulubalang cahaya daulat supaya cemerlang beradatlal tuangku jangan kepalang</i></p> <p><i>jangan paling adat yang sejahtera aturlah baik segala bentara</i></p>	syair	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Asal-usul yang murni</li> <li>- Kebijaksanaan</li> <li>- Kesederhanaan</li> <li>- Kebaktian (taat)</li> <li>- Memelihara negeri</li> <li>- Merajakan secara adil</li> <li>- Menghukumkan secara adil</li> <li>- Mengaturkan orang-orang besar</li> </ul>
------	---	-------	---

	<p><i>jikalau ada bicara bendahara dialah adatnya menatur bentara</i></p> <p><i>Adat baik tuanku betuli bentaramlah mengadap ke bawah duli pergi datang tiada khali demikianlah adat yang telah mali</i></p> <p><i>Yang mali adat dahulu didalam besar jadi penghulu mengata dan menajar dia selalu orang pun tiada berhati silu</i></p> <p><i>Barang yang beradat dibawah tahta dia dapat yang berkata yang lain tiada boleh mendosta demikianlah adat tatkala kerta</i></p> <p>(PSNJ 50.15 - 51.15)</p>		
--	---	--	--

Analisis syair di atas menunjukkan bahawa sifat-sifat keadilan bendahara adalah sifat yang sama yang disebutkan untuk Yang Dipertuan Besar (sultan). *Peringatan Sejarah Negri Johor* tersebut menyerupai teks historiografi Melayu Johor yang mempersembahkan pandangan-pandangan keluarga sultan Johor iaitu Sultan Suleiman. Sultan Suleiman adalah dari keturunan yang baru, iaitu dari keturunan bendahara. Puji-pujian atas nama bendahara dalam konteks tersebut boleh dianggap sebagai puji-pujian atas nama semua dinasti yang baru itu.

Maklumat-maklumat mengenai raja adil yang paling lengkap terdapat dalam *Tuhfat an-Nafis*.<sup>17</sup>

<i>Tuhfat an-Nafis</i>	<p><i>"Syahdan Sultan Muzaffar Syah inilah yang memulai undang-undang melayu memerintahkan kerajaan adil"</i></p> <p>TN 6(8)</p>	Maklumat mengenai raja adil (sultan)	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Memelihara negeri</li> <li>- Merajakan secara adil</li> </ul>
------------------------	--	--------------------------------------	--

<sup>17</sup> Di sini dan seterusnya teks *Tuhfat al-Nafis* dipetik dari edisi Matheson Hooker, V., *Tuhfat al-Nafis* Karangan Raja Ali Haji. Dikaji dan diperkenalkan oleh Virginia Matheson Hooker (1998), Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan & DBP.

	<p>"Syahdan pada kerajaan baginda Sultan Muhammad Syah inilah yang tersangat adil serta ramailah negeri Melaka itu serta amannya" TN 6(8)</p>	<p>Maklumat mengenai raja adil (sultan)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Meramai-kan negeri</li> <li>- Mengawali negeri</li> </ul>
	<p>"Adalah baginda itu (Sultan Ala ad-Din Riayat Syah) sangat suka mengawali negeri pergi sambang malam-malam dengan dirinya sendiri, dan beberapa kali ia membunuh penyamun dan pencuri dengan tangannya sendiri dan menghukumkan dengan adil dan bencikan orang yang jahat-jahat serta memelihara harta benda orang" TN 7(9)</p>	<p>Maklumat mengenai raja adil (sultan)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Mengawali negeri</li> <li>- Menghukumkan secara adil</li> <li>- Bencikan orang jahat-jahat</li> <li>- Memelihara harta benda orang</li> </ul>
	<p>"Adalah baginda itu baik adapnya dengan orang tuha-tuha, tiada ia membicarakan suatu pekerjaan melainkan mufakat dia dengan Datuk Bendahara serta Seri Nara Diraja serta temenggung Sidewa Raja, serta orang-orang yang tua-tua sekalian." TN 10(12)</p>	<p>Maklumat mengenai raja adil (sultan)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Sikap baik dan berbudi mengenai orang tuha-tuha,</li> <li>- Mufakat</li> </ul>
	<p>"pada masa itu ialah (la Galigo) anak raja yang tiada bandingnya pada kebesaran dan gagah berani-nya" TN 22(25)</p>	<p>Maklumat mengenai raja adil (sultan)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Gagah, berani</li> </ul>

Analisis perbandingan menunjukkan bahawa definisi keberanian dalam teks di atas berbagai dan maknanya berubah-ubah. Dalam *Hikayat Aceh* raja yang berani (gagah) adalah yang pandai dalam ilmu ketentaraan dan suka berperang (melawan). Dalam *Tuhfat an-Nafis* pula, raja yang

adil, yang memang berani, perlu menyiapkan diri untuk mati secara pahlawan. Dalam pandangan masyarakat Johor, definisi pahlawan dianggap sebagai *syahid fi sabilillah*. Definisi tersebut sesuai dengan konsep keadilan yang tersebar di seluruh dunia Islam. Raja yang adil mati dalam peperangan dengan musuh (biasanya dengan kafir) atau sambil berzikir akan *isim al-dhat*:

TN	<p><i>"Maka dengan taqdir Allah Taala serta dengan sudah sampai janjinya, maka Opu Dahing Parani pun kenalalah peluru meriam tentang dadanya. Maka ia pun mangkatlah di atas beranda gurabnya dengan nama laki-laki, kerana waktu ia berperang besar itu ia bersiar-siar di atas beranda gurabnya kerana memerintahkan segala orang-orangnya berperang itu"</i></p> <p style="text-align: right;">TN 84(87)</p>	Mengenai kematian Opu Dahing Parani	- Kematian dalam perang
	<p><i>"Maka Yang Dipertuan Muda Raja Haji pun bangkit mengunus badiknya sebelah tangan memegang Dalail al-Khayrat. Maka dipeluk oleh beberapa orang maka di dalam tengah-tengah hal yang demikian itu maka Yang Dipertuan Muda Raja Haji pun kenalalah peluru baris senapang/ maka baginda pun rebahlah lalu mangkat syahidlah ia qalu inna lillahi wa inna ilaihi raji'un Allahu mma ighfir lahu wa irhamhu wa 'afihi wa I' affianhu wa ij 'al jannat al-firdaus ma'wan Allahu ma irfa' darajatahu fi al--jannati al-'ulia wa barik darajatahu fi al-dunya wa al-akhirat amin".</i></p> <p style="text-align: right;">TN 238(257)</p>	Mengenai kematian Raja Haji	- Kematian dalam perang
	<p><i>"Maka kemudian memanggillah ia (Yang Dipertuan Muda Raja Ali) akan saudaranya Raja Ali Haji minta bacakan Surat al-Yasin. Maka dibacalah oleh saudaranya Raja Ali Haji itu lalu dihembuskannya kepada segala tubuhnya dengan syafaat. kemudian bertanya pula ia kepada Raja Ali</i></p>	Mengenai kematian Yang Dipertuan Muda Raja Ali	- mati dengan berzhikir

Haji daripada perkara itikad ahlul sunnah waljamaah. Maka dikhabarkan oleh Raja Ali Haji itu jalan ilmu usuluddin serta jazama mutabik al-haq dengan dalil. kemudian bertanya pula ia daripada bala penyakit. Maka dikhabarkan olah Raja Ali Haji bala tadib begini-begini, bala takrib begini-begini, bala tadhīb begini-begini. kemudian bertanya pula ia daripada pekerjaan barzakh yang kelakuan ahlul maut, dikhabarkan pula olah Raja Ali Haji begini-begini.

TN 429(440)

“... Kemudian iapun hampir nazak maka Engku Haji Muda Raja Abdullah pun hampirlah mentawajuhkan akan dia. Maka Yang Dipertuan Muda Raja Ali pun berzikirlah ia akan isim al-dhat tashbih pada tangan kanannya, pada hal ia bersandar kepada kerusi besi yang panjang. Maka seketika lagi roh pun keluarlah, tasybih pun masih pada tangan kana jua. Maka diangkatlah oleh kakanda adinda anak-anak sekalian diturunkan daripada kerusi itu lalu diletakkan di atas tilam peraduannya.

TN 429(441)

“Sekira-kira sampai pukul dua setengah maka istighraklah ia di dalam zikir nafy ithbat, dialihnya daripada zikir isim al-dhat. seketika rohnya pun berpindahlah dari negeri yang fana ke negeri yang baqa, maka dibahasakanlah kembali ke rahmatullah Ta'ala.

Catatan di atas mengandungi cerita yang lengkap dan semestinya pengarangnya telah menyaksikan peristiwa yang beliau gambarkan. Beliau hadir pada masa itu bersama dengan Yang Dipertuan Muda Raja Ali dan dialah yang

membaca do'a dan membantu beliau. Sebutan di atas juga sangat menarik kerana jika dilihat dari sudut penelitian sumber-sumber sejarah, maklumat ini mengesahkan bahawa Raja Ali Haji adalah pengarang sebenar *Tuhfat an-Nafis* itu (yang panjang).<sup>18</sup>

	<p>"Adalah puteranya yang lima orang itu baik-baik belaka parasnya, serta dengan sikapnya dan pahlawannya, akan tetapi Opu Dahing Cellaklah yang terlebih sangat baik parasnya memberi ghairat hati perempuan-perempuan memandangnya, demikianlah kata yang empunya cetera."</p> <p style="text-align: right;">TN 47(50)</p>	<p>Maklumat mengenai raja adil (raja Bugis)</p>	<p>- Baik parasnya</p>
	<p>"Kemudian baharulah diaturkannya (Raja Haji) segala orang besar-besarnya dengan gelarannya dan pangkatnya dan pekerjaannya dan diaturkan pula adat di dalam istana dan dibalai rung seri dapa angkat-berangkat orang makan minum di balai, seperti adat negeri Riau."</p> <p style="text-align: right;">TN 213(228-229)</p>	<p>Maklumat mengenai raja muda yang adil</p>	<p>- Mengaturkan orang besar-besar - Menuntut undang-undang</p>
	<p>"Syahdan lagi adalah Baginda Sultan Abd ar-Rahman itu suka akan tuan-tuan sayid dan tuan syeikh dan suka bercampur makan minum dengan mereka itu, dan suka sembahyang bersama-sama dengan mereka itu, dan suka berimamkan orang yang alim dan suka ia bang dengan diri sendiri dan suaranya baginda itu pun terlalu hebat serta dengan besarnya. Dan apabila ia bang terkenallah dari jauh akan suara baginda itu. Dan lagi baginda itu suka</p>	<p>Maklumat mengenai raja adil (sultan)</p>	<p>- Menuntut ilmu - Kebijaksanaan - Berbuat ibadat - Suka akan syed, orang alim dan orang tua-tua</p>

<sup>18</sup> Mengenai dua karya *Tuhfat an-Nafis* yang mempunyai nama yang sama dan masalah-masalah yang berkaitan dengan kajiannya lihat antara lain Denisova T., 'Tuhfat an-Nafis – Dua Karangan Dengan Nama Yang Sama', dalam *Penelitian Sumber-sumber Sejarah Timur dan Cabang-cabang Ilmu Sejarah Yang Istimewa*, Keluaran 4. Moscow, 1995.

	<p>ziarah kepada rumah-rumah orang tuanya dan orang besar-besarnya terkadang itu ia minta hendak santap kepada segala mereka itu. Dan lagi baginda itu kebanyakan bergurau-gurau dengan sanak saudaranya apalagi dengan hamba sahayanya kerana menyukakan mereka itu dan suka santap beramai-ramai. Dan lagi baginda kebanyakan menangis, sebab khusyuk hatinya kepada Allah Taala, kebanyakan tangis itu pada ketika khatib membaca khutbah.”</p> <p>TN 304(330)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pemurah</li> <li>- Berbudi dan baik adabnya</li> <li>- Kesederhanaan</li> <li>- Suara yang hebat</li> <li>- Muafakat dengan orang besar dan orang tuha-tuha</li> <li>- Mengukuh agama</li> <li>- Pandai ilmu usuluddin</li> </ul>
	<p>“Adalah Yang Dipertuan Muda Raja Jaafar itu satu raja yang baik perangnya jua dan suka mengasihi sanak-sanak saudaranya dan sahabat handainya apalagi tuan seyid yang dari Arab dan tuan seyid peranakan dan suka mengasihi orang tua-tua serta hormat kepada yang tua-tua dengan pergi ziarah ke rumahnya terkadang minta musyawarah daripadanya. Dan lagi tiada takbur membesarkan dirinya terkadang hingga makan ia nasi sisa hamba sahayanya. Dan suka ia akan ulama serta kuat menuntut ilmu seperti membaca kirab-kitab yang bahasa Melayu seperti Usuluddin dan kitab Mirat al-Tulab kepada gurunya satu ulama yang besar pada masa itu iaitu Haji Abd al-Wahab. Serta suka mendengar-dengar tuan-tuan sayid berceriterakan hikayat raja-raja yang dahulu dahulu yang sebelah atas angin. Dan suka ia akan orang yang baik-baik</p>	<p>Maklumat mengenai raja muda yang adil</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Taat dan muafakat terhadap keluarga</li> <li>- Suka akan syed, orang alim dan orang tua-tua</li> <li>- Menuntut ilmu</li> <li>- Kesederhanaan</li> <li>- Pandai dalam ilmu usuluddin</li> <li>- Pemurah</li> <li>- Mengukuh agama</li> </ul>



<p><i>baca dan bacaan pada mengaji Qur'an, jikalau datang qari yang pandai mengaji Qur'an ke dalam negeri Riau, maka dipengangkannyalah dua tiga bulan. Maka mengajilah ia serta disuruhkannya anak-anaknya dan pegawai-pegawainya mengaji. Apabila khatam diberinya qari itu wang peratus-ratus ringgit. Dan lagi tiada ia takbur daripada bertanya barang yang tiada dapat kepada orang yang kurang daripadanya atau yang muda hingga pada anaknya sekalipun bertanyalah ia daripada hukum, syarak, sah, batil, halal, haram. Dan adalah ia suka utus mengutus ke sebuah negeri yang lain-lain dengan hadiah-hadiah serta suka mencari sahabat-sahabat daripada orang baik-baik. Syahdan maka banyaklah sahabatnya daripada orang Islam dan orang putih, istimewa pula di dalam negeri Melaka dan seperti gebernurnya dan residennya dan saudagar-saudagarnya dan banyaklah saudagar-saudagar Melaka suka bersahabat dengan Yang Dipertuan Muda.</i></p> <p><i>Dan adalah Yang Dipertuan Muda suka membuat baris peperangan adalah pakaian segala barisnya itu dan senapangnya semuanya pertolongan daripada orang-orang besar dan saudagar-saudagar di negeri Melaka. Dan orang yang mengajarnya pun demikian juga orang putih juga. Dan adalah ia menyuruh budak-budak empat lima orang belajar muzik cara Belanda ke Melaka, iaitu belajar tambur dan seruling dan trompet dan biola dan lainnya daripada segala perkakas bermain muzik. ...</i></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Suka mencari sahabat daripada orang yang baik</li> <li>- Membe-sarkan pernia-gaan</li> <li>- Membuat baris peperangan dan menjaga tetera</li> <li>- Mengku-kuli negeri</li> </ul>
---	--

	<p>Syahdan adalah Yang Dipertuan Muda Raja Jaafar itu suka mengukuhkan negeri dan mengindahkannya dengan kota paritnya serta dengan orang jaganya dan adalah aturan sambang jaganya seolah-olah sambang jaga negeri Melaka jua. Dan demikian lagi... suka membuat penjajab perang yang indah-indah perbuatannya dengan diukir dan ditulis dengan air emas serta membuat lela suntungnya berpicu semuanya, dan suka pula ia membuat senjata yang dipakai di pinggang seperti keris dan badik dan sikin dan lainnya yang indah-indah perbuatannya yang belum raja-raja membuatnya yang bermacam-macam. Kemudian apabila sudah maka dijadikannya bingkisan kepada segala raja-raja seperti ke Pontianak dan ke Pahang dan ke kedah dan lain-lainnya negeri-negeri apalagi ke negeri Bugis”</p> <p>TN 305-306(331-332)</p>		
--	--	--	--

Dalam maklumat-maklumat di atas terdapat beberapa sebutan mengenai aktiviti ekonomi yang nyata yang berkaitan dengan pembangunan bandar, perkapalan dan perkembangan tentera. Ternyata sifat daya usaha dalam bidang-bidang tersebut dianggap sebagai sifat yang positif dan elok untuk raja yang adil dalam pandangan awam Johor. Justeru itu perlu ditegaskan bahawa dalam teks tersebut telah dirumuskan suatu kriteria keadilan yang baru, iaitu sifat *keterbukaan* terhadap kebudayaan lain, termasuk kebudayaan “orang putih.” Raja adil suka bersahabat dengan orang baik-baik, termasuk “orang putih.” Dia sukakan muzik Eropah dan “*menyuruh budak-budak empat lima orang belajar muzik cara Belanda ke Melaka, iaitu belajar tambur dan seruling dan trompet dan biola dan lainnya daripada segala perkakas bermain muzik.*” Maklumat ini menafikan prasangka

bahawa Islam sejak awal-awalnya adalah terlalu agresif dan selalu bersikap bermusuhan terhadap semua orang yang beragama lain, terutama terhadap orang Eropah.<sup>19</sup>

Banyak maklumat mengenai raja adil yang terdapat dalam *Tuhfat an-Nafis* merujuk kepada data-data berkenaan Yang Dipertuan Muda Bugis Johor. Sebabnya kerana raja-raja muda itulah yang dianggap dan yang dipersembahkan oleh pengarang sebagai baginda yang sesungguhnya menjaga negeri dan mengukuhkan kemakmurannya. Terdapat pelbagai sebutan mengenai fungsi-fungsi Yang Dipertuan Muda di Johor. Isinya sebagai berikut:

<p><i>Tuhfat an-Nafis</i></p>	<p>“Maka tetaplah ia (opu-opu) di dalam Riau bicara meramaikan negeri Riau dengan perdagangan, serta mengukuhkan negeri dengan membuat kubu-kubu serta menyediakan beberapa kelengkapan penjabang perang, serta disediakan dengan orang-orangnya dan ubat pelurunya, demikian hal sehari-hari. TN 85(88)</p>	<p>Mengenaikan raja yang adil (Opu Dahing Parani)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Mengukuhkan negeri</li> <li>- Meramaikan perdagangan</li> <li>- Membuat kubu-kubu</li> <li>- Sediakan kelengkapan</li> <li>- Sediakan obat peluru</li> </ul>
	<p>“Maka baginda serta Yang Dipertuan Muda pun muafakatliah membetulkan negeri dan segala teluk rantau Johor yang sudah dipulangkan oleh Raja Kecil ... Maka di dalam musyawarah itu Yang Dipertuan Mudalah yang akan pergi memeriksa segala jajahan itu” TN 96(98)</p>	<p>Mengenaikan raja yang adil (Opu Dahing Marewah)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Jaga negeri</li> <li>- Musyawarah</li> <li>- Muafakat</li> </ul>

<sup>19</sup> Denisova T. (2005), ‘A Step Towards Avoidance of Misunderstanding and Conflict: Uncovering Some Western Myths regarding Malay-Islamic Historical Sources’, dalam *International Seminar “The Truth Of Islam: A Vision For The Ummah And The Rest Of The World,”* Kota Kinabalu, Sabah, 21-22 Disember 2005 / 19-20 Zulkaedah 1426 H..

	<p><i>"Kemudian balikkah kedua raja itu ke Riau, lalulah memeriksa laut ke Ungaran dan ke Durai iaitu pada Hijrat sanat 1148"</i></p> <p style="text-align: center;">TN 105(108)</p>	<p>Mengenai Raja Ali Engku Kelana (saudara Yang</p>	<p>- Memeriksa laut - Mengawali negara</p>
	<p><i>"Maka ia pun menyuruh Raja Ali Kelana akan memeriksa laut-laut itu daripada perompak-perompak dan orang-orang jahat serta disuruhnya menghapuskan pekerjaan rompak-rompak itu juga segenap teluk rantainya dan jajahannya negeri Lingga dan riau. ...Maka berlayarlah Raja Ali Engku Kelana mengelingi segala jajahan Riau dan Lingga pada segala tempat rakyat-rakyat yang baik-baik dan yang jahat-jahat. Maka tempat rakyat yang baik-baik diperbuatnya aturan yang baik serta khidmat yang baik mana-mana tempat yang jahat dan rakyat yang jahat dihukumkannya dengan hukum orang jahat serta ditangkapnya dhan-tarkannya ke Riau dan diambilnya pula segala kekuatannya ia berbuat jahat itu, iaitu diambilnya segala meriam-meriamnya yang besar-besar dan perahu-perahu yang besar-besar. Dan ada setengah kepala-kepala dipecatnya sebab nyata kesalahannya, dan ada yang dijadikannya kepala pula sebab nyata kebajikannya serta kesukaan anak buahnya, kemudian daripada musyawarah dan muafakat</i></p> <p style="text-align: center;">TN 402(407)</p> <p><i>(memeriksa dan mengatur hukuman dalam takluk rantau Lingga Riau)</i></p>	<p>Dipertuan Muda Raja Abd ar-Rahman)</p>	<p>- Melawan dengan perompak</p>

Maklumat ini amat bernilai dari sudut penelitian sejarah yang nyata. Di sini disebutkan beberapa tugas Yang Dipertuan Muda Bugis dan kegiatannya yang berkaitan dengan pemerintahan daerah takluk Johor. Di antaranya cara hukuman, cara kawal daerah-daerah yang masih dalam keadaan durhaka dan lain-lain.

<p>Tuhfat an-Nafis</p>	<p>“Maka apabila tiba ke Riau lalulah (Dipertuan Muda Raja Ali) membuat istana dan masjid. Maka di dalam tengah-tengah berbuat istana dan masjid itu maka lalulah ia menuntut ilmu usuladdin kepada orang yang alim-alim seperti diperbuatnya guru, dan suka ia mengasahi orang-orang yang berilmu seperti tuantuan seyid seperti habib Syeikh Syakaf dan Seyid Hasan al-Hadad, dan haji-haji seperti Tuan Kiai Beranjang dan Haji Syahabuddin dan haji Abu Bakar Bugis dan Syeikh Ahmad Jibarti dan lainnya apatah lagi kepada saudaranya Raja Ali Haji. Tiada bercerai-cerai dengan dia siang malam bertanyakan segala hukum-hukuman yang dibangsakan kepada syari'a dan lainnya daripada segala orang-orang yang disebut, semuanya ditolongnya dengan wang mana-mana ala kadarnya yang patut.”</p> <p style="text-align: right;">TN -417(425)</p>	<p>Maklumat mengenai raja muda yang adil</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Membangun mesjid</li> <li>- Memperbaiki negeri</li> <li>- Menuntut ilmu</li> <li>- Pandai dalam ilmu usuluddin</li> <li>- Suka akan syed, orang alim dan orang tua-tua</li> <li>- Pemurah</li> </ul>
	<p>“Pada masa kerajaan Yang Dipertuan Muda raja Ali mengadakan beberapa perkara yang indah-indah yang mendatangkan nama kerajaan yang elok dan agama yang teguh. ... Dan adalah permulaannya pekerjaan itu, iaitu mentertibkan dan mengaturkan makanan sanak-sanak saudaranya dengan hasil-hasil</p>	<p>Maklumat mengenai raja muda yang adil</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Jaga kanak-kanak saudaranya</li> <li>- Mengaturkan rezeki</li> <li>- Mengatur orang besar-besar</li> </ul>

negeri Riau mana-mana yang belum sempat Yang dipertuan Muda Raja Abd ar-rahman al-marhum mengaturnkannya. Maka ialah membaharukannya pula mana-mana ala kadarnya yang patutnya pada nafkah mereka itu.

...Demikian lagi segala aturan memegang jabatan pekerjaan kerajaan daripada segala sanak saudaranya maka dimusyawarakannya ramai-ramai... Kemudian baharulah diberinya pekerjaan mana-mana yang layak pada tanggungannya yang tiada sumbang dan cacat pada ujtihad orang tua-tua dan tiada sumbang kepada mata orang yang berakal yang mempunyai mata hati.

...Demikian lagi ia sangat suka bermusyawarah beramai-ramai apabila datang sesuatu pekerjaan kerajaan dan suka bertanya kepada orang tua-tua dan orang besar-besar daripada fikiran dan ikhtiar. Dan ia sendiri berangkat ke rumah orang tua-tua dan orang besar-besar bertanyakan ikhtiar iaitu seperti Syahbandar Abdullah dan Punggawa Ahmad, apalagi ke rumah paduka ayahanda bondanya... Maka ratalah segala rumah orang tua-tua dan orang besar-besar dipergikannya kerana minta nasihat serta pengajaran. Kemudian dari pada itu baharulah ia pergi.

TN 421(431)

"... dan lagi ia suka mengasili orang alim-alim, serta malu dan hormat kepada mereka itu, sehingga satu Haji Hamin orang Banjar yang alim waktu ia di dalam negeri Lingga menjadi wakil maka diambilnya tuan haji itu dibayarnya dengan ijhtihad saudaranya Raja Ali Haji. Maka dihormatkannya tuan haji

- Pemurah
- Muafakat dengan orang-orang besar-besar dan orang alim-alim
- Baik adab ter-hadap orang tuha-tuha
- Menuntut ilmu
- Berbuat ibadat
- Mengukuh agama
- Berbudi bahasa dan beradab
- Membangun masjid
- Membangun bandar dan kota
- Meraikan negeri
- Pandai ilmu usuluddin
- Mengukuh akhlak
- Bencikan orang jahat-

<p>yang alim itu tiada mau ia berjalan dahulu daripada tuan haji itu maka tiap-tiap pergi sembahyang Jumaat, kerana ia merendahkan dirinya kepada orang alim itu dan demikian lagi kepada pangkat-pangkat ayah-ayah saudaranya seperti Raja Ismail dan Raja Jaafar sangatlah ia berbahasa dan beradab. Dan demikian lagi tiada suka ia duduk ia atas kerusi jika ada yang pangkat-pangkat tua di bawah, apalagi jika ada tuan-tuan seyid.</p> <p>“... dan pada masa kerajaannya berdirilah agama Islam mendirikan Jumaat dan memerintahkan orang perempuan bertudung kepala dan menyempurnakan berbuat mesjid yang tiada jadi diperbuat oleh yang Dipertuan Muda Raja Abd ar-Rahman al-marhum sebab mangkatnya. Kemudian membuatlah pula jambatan sekeratnya batu dan sekeratnya kayu supaya senang segala hamba Allah berjalan pada ketika air surut.</p> <p>... Dan pada masa Yang Dipertuan Muda raja ali inilah banyak ulama datang dengan kemuafakatan saudaranya Raja Ali Haji maka dikurniakan masarif disuruhnya segala pegawai negeri menuntut ilmu perkara ugama dan mengaji kitab-kitab dan belajar memperbaiki bacaan Qur'an al-azim. Dan ia sendiri pun suka jua talab al-ilm. Maka diikhtiarkan oleh saudaranya Raja Ali haji beberapa orang alim-alim seperti Seyid Abdullah Bahrain dan lainnya duduk mengajar di dalam Pulau Penyengat setahun, apabila ia baik diberinya empat-lima ratus ringgit.</p> <p style="text-align: right;">TN 422(432)</p>	<p>jahat</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Hukum secara adil</li> <li>- Memperbaiki negeri</li> </ul>
--	--

“Dan diberinya pula membuang daripada memakai emas dan sutera. Syahdan lagi Yang Dipertuan Muda Raja Ali inilah membuang dan melarangkan segala orang yang jahat-jahat seperti berjudi dan menyabung tiadalah boleh lagi, dan segala orang-orang Islam berjudi dan menyabung, jika diketahuinya dihukumkannya dengan yang sepatutnya, sehingga ia bekerjakan puteranya nikah kahwin pun tiada diberinya orang-orang berjudi dan menyabung. Dan jika ada orang jahat-jahat perompak-perompak dihukumkannya terkadang dengan dibuangnya diserahkan kepada residen Riau terkadang dibunuhnya dikeratnya kepala, dan berapa kali yang demikian itu supaya yang lain mengambil insaf dan gerun. Dan demikian lagi Yang Dipertuan Muda Raja Ali inilah bercikan orang bermain-main yang membawa kepada cabul laki-laki dengan perempuan serta orang bernyanyi-nyanyi beranyut dengan pantun sindir-menyindir pada pekerjaan zinah. terkadang disuruhnya rampas biola kecapinya orang yang beranyut itu dan berdondang sayang yang dekat-dekat rumah orang yang baik-baik supaya jangan jadi fitnah kepada anak muda orang, dan supaya jangan jadi cabul negeri.”

TN 422(433)

“Dan lagi Yang Dipertuan Muda Raja Ali inilah yang mendapat wang daripada gebermen yang bukan hutang-hutang, kira-kira empat puluh ribu rupiah dengan sebab bicara yang baik serta kelakuan yang patut bersama-sama residen Riau.... Dan Yang dipertuan



	<p><i>Muda Raja Ali inilah yang mendapat tambah-tambah daripada gebermen hasil Riau jadi enam rubu rupiah dengan bicara yang baik sertalah musyawarah yang baik dan yang patut dengan residen Riau serta saudaranya."</i></p> <p>TN 423(433-434)</p>		
--	--	--	--

Dalam maklumat di atas terdapat kriteria-kriteria keadilan yang baru, iaitu: raja adil wajib jaga keluarganya dan mengaturkan rezeki untuk semua anak-saudaranya. Sifat tersebut semestinya mempunyai kaitan yang erat dengan tugas-tugas yang nyata. Yang Dipertuan Muda Johor dari keturunan raja-raja Bugis perlu menafkahi semua sanak saudaranya dengan jawatan-jawatan dan sumber-sumber kewangan. Ternyata rezeki tersebut dibayar dengan *hasil-hasil negeri Riau*. Tugas ini dianggap oleh pengarang *Tuhfat an-Nafis* sebagai fungsi *raja adil* (di sini - Yang Dipertuan Muda Johor) yang utama. Sebenarnya kriteria tersebut tidak sesuai dengan peraturan syari'ah. Walaupun begitu, peraturan tersebut (iaitu menafkahi anak saudara pemimpin dengan duit negara) tersebar di antara para pemimpin-pemimpin di dalam kehidupan.

Maklumat tersebut membuktikan juga bahawa raja-raja Bugis lah yang sesungguhnya merajakan negara Johor pada masa itu. Merekalah yang mengawali pembendaharaan dan semua hasil-hasil negara. Apa lagi raja muda Bugis lah yang membahagikan jawatan-jawatan di negeri Johor (iaitu pelantikan orang-orang besar) berdasarkan muafakat dengan keluarga beliau. Kenyataan tersebut mencerminkan situasi sejarah yang sebenar yang wujud di dalam masyarakat Johor pada kurun ke-18 sehingga ke-19.

Justeru itu, Yang Dipertuan Muda Bugis menumpukan perhatian kepada sistem pendidikan dan berusaha mengawali pemandangan awam dan kehidupan intelektual dalam masyarakat Melayu Johor. Kerana itulah hal-ehwal yang berkaitan dengan sistem pengajaran Islam dijelaskan dalam *Tuhfat an-Nafis* secara terperinci.

Yang Dipertuan Muda Bugis digambarkan sebagai seorang pembela akhlak awam. Beliau wajib mengaturkan adab dan akhlak yang sesungguhnya sesuai dengan syari'ah. Maklumatnya sebagai berikut:

“beliau membuang daripada memakai emas dan sutera; melarangkan segala orang yang jahat-jahat seperti berjudi dan menyabung; bencikan orang bermain-main yang membawa kepada cabul laki-laki dengan perempuan serta orang bernyanyi-nyanyi beranyut dengan pantun sindir-menyindir pada pekerjaan zinah.

Sebutan tersebut diketemui hanya dalam *Tuhfat an-Nafis*. Analisis perbandingan teks-teks sejarah Melayu lama menunjukkan bahawa dalam *Tuhfat al-Nafis* dicerminkan perubahan (transformasi) sifat-sifat *raja yang adil*. Perubahan tersebut dipengaruhi oleh peraturan syari'ah dan sesuai dengan tujuan (kewajiban) Raja Muda Bugis yang utama iaitu *membangun negara Islam yang adil*.

Saya ingin menarik perhatian para pembaca kepada satu lagi unsur keadilan yang baru. Menurut maklumat tersebut:

“Yang Dipertuan Muda Raja Ali inilah yang mendapat tambah-tambah daripada gebermen hasil Riau jadi enam rubu rupiah dengan bicara yang baik sertalah musyawarah yang baik dan yang patut dengan residen Riau serta saudaranya.”

Di sini terdapat sebutan yang pertama mengenai *budi bahasa* sebagai sumber *tambah-tambahan* dan profit yang nyata. Ternyata para pemimpin Melayu Johor memang pandai dalam ilmu politik mahu pun juga dalam ilmu pemerintahan negara (in sociology - *theory of the business and state administration*). *Raja adil* wajib menjadi pandai dalam mengadakan perundingan. Menurut pandangan awam, kemampuan tersebut dianggap sebagai sifat yang positif dan amat berguna.

<i>Tuhfat an-Nafis</i>	“...Engku Haji Abdullah serta Engku Haji Ali mengajilah ia beberapa kitab-kitab dan faraid matan Sanusi dan lainnya sedikit-sedikit sebab waktu singkat. Kemudian Yang Dipertuan Muda pun	Maklumat mengenai raja muda yang adil	- Ikut tarikat - Pandai dalam ilmu
------------------------	---	---------------------------------------	---------------------------------------

<p><i>maka mengambillah ia tarekat Naksybandiyyah, serta segala anak-anak raja-raja yang di dalam Pulau Penyengat itu serta masuk suluk. Maka tiap-tiap hari Jumaat dan hari Selasa tawajuh khatam dan sembahyang berjamaahlah pada tiap-tiap hari beramai-ramai."</i></p> <p style="text-align: right;">TN 424(435)</p> <p><i>"...dan Engku haji Muda (Raja Abdullah) pun mengerjakanlah akan segala amal wirid Naksybandiyyah itu, dan ialah yang susah jadi mursyid kepala pada tarekat itu di dalam negeri Riau adanya."</i></p> <p style="text-align: right;">TN 425(436)</p> <p><i>"...maka yang Dipertuan Muda pun ... berbuat ibadat juga dengan sanak-sanak saudaranya serta menjalankan ibadat tarikat Naksybandiyyah itu. Maka tiadalah berhenti khatamnya dan tawajuh pada tiap-tiap hari Selasa dan hari Jumaat serta mendaras ilmu di balainya, iaitu saudaranya Raja Ali Haji mengayar-ajar serta membaca kitab-kitab akan segala sanak sanak saudaranya, serta dengan pegawai negeri. Adapun kitab-kitab yang dibacanya, itu iaitru kitab-kitab fikh sah batal halal haramnya, rub adat dan rub muamalat dan kitab lhya Ulim al-Din rub muhlikatnya, serta mendirikan sembahyang Jumaat, terkadang ia membaca khutbah sendiri dan menjadi imam ia sendiri."</i></p> <p style="text-align: right;">TN 442(456)</p> <p><i>"...maka tiada mereka itu diam lebih-lebih maklumlah kerana Yang Dipertuan Muda lagi pun mursyid dan Raja Abdullah itu amat mengasihii segala saudara-nya dan anak-anaknya, lagipun</i></p>	<p><i>usuludin dan tasawuf - Berbuat ibadat</i></p>
---	---

	<i>ia mursyid seperti segala orang-orang yang ahli al-tarekat al-naksyabandiyiyah</i> TN 445(460)		
--	--	--	--

Maklumat ini mengandungi bahan-bahan yang nyata mengenai kehidupan intelektual di Johor. Di sinilah disebutkan buku-buku, subjek-subjek pengajaran dan cara berbuat ibadat menurut *wirid Naksyabandiyiyah*. Ternyata tarekat itulah adalah yang paling berpengaruh di dalam masyarakat Melayu Johor kurun ke-18 sehingga ke-19.

Analisis maklumat-maklumat tentang *raja adil* yang dirakamkan dalam karya-karya sejarah Melayu Islam kurun ke-13 sehingga ke-19 membantu kita untuk memahami definisi-definisi keadilan yang wujud dalam masyarakat Melayu pada masa itu. Ternyata dalam semua teks sejarah tersebut terdapat banyak sifat-sifat yang sama.

Justeru itu setiap teks juga mempunyai ciri-cirinya yang khas. Misalnya, "raja adil" dari *Hikayat Aceh* adalah seorang yang pandai dalam ilmu pendekar dan ilmu-ilmu perang yang lain: "*ada kelakuan Johan Alam belayam pedang perisai itu seperti kilat tatkala melompat ke kiri dan ke kanan...*". Manakala dalam *Tuhfat an-Nafis* "raja adil" adalah sebaliknya: "*kebanyakan menangis, sebab khushyuk hatinya kepada Allah Ta'ala, kebanyakan tangis itu pada ketika khatib membaca khutbah*".

Menurut *Hikayat Siak* keahlian dalam bidang main judi dan menyabung adalah sifat yang adil:

Maka kata Tengku Abdul Rahman "Jangan susah tuanku, kerana orang Palembang berjudi, siang menyabung, malam berjudi. Patik mengambil rial orang Palembang. ...Dan berapa ditaruh orang Palembang, semua dilawan oleh Tengku Abdul Rahman. Dan segala panglima semuanya setiap hari dan malam berjudi, Tengku Abdul Rahman juga yang menang.

HA 496 (169)

Justeru itu menurut *Tuhfat an-Nafis*, Raja Muda Johor yang "adil" adalah yang:

melarangkan segala orang yang jahat-jahat seperti berjudi dan menyabung tiadalah boleh lagi, dan segala orang-orang Islam berjudi dan menyabung,

jika diketahuinya dihukumkannya dengan yang sepatutnya, sehingga ia bekerjakan puteranya nikah kahwin pun tiada diberinya orang-orang berjudi dan menyabung.”

Perbezaan ini mencerminkan situasi sejarah yang nyata dan perubahan dalam pandangan awam yang wujud di pelbagai negeri Melayu itu selama kurun ke 13 hingga kurun ke 19. Hal ini membuktikan bahawa karya-karya sejarah Melayu Islam memang boleh dianggap sebagai sumber-sumber sejarah. Teks-teks tersebut mengandungi banyak bahan yang bersejarah dan memberikan gambaran suasana dalam masyarakat Melayu secara betul. Kita perlu menggunakan kaedah-kaedah penelitian yang lengkap dan objektif demi membina semula adat-istiadat dan tamadun Melayu lama.

Analisis maklumat-maklumat di atas menunjukkan bahawa dalam historiografi Melayu Islam telah wujud konsep keadilan yang lengkap (dan yang umum). Sifat-sifat raja adil itu adalah sebagai berikut: 1) Rupa yang baik; 2) Suara yang hebat; 3) Budi dan adab yang baik-baik; 4) Bahasa yang ikhlas; 5) Berani; 6) Pahlawan (syahid fi sabilullah); 7) Pemurah; 8) Sabar; 9) Bijaksana; 10) Sederhana (rendah hati); dan 11) Asal usul yang murni. Di samping itu, seseorang raja adil perlu pandai dalam: 1) Ilmu usuluddin; 2) Ilmu fikih; 3) Ilmu tentera (peperangan); 4) Perniagaan; 5) Pemerintahan negara; dan 6) Perundingan.

Raja adil juga diwajibkan: 1) Merajakan secara adil; 2) Menghukumkan secara adil; 3) Menuntut undang-undang; 4) Ampun dosa; 5) Bermesyuarat dan bermuafakat dengan orang-orang alim (orang besar-besar, orang tuha-tuha dll.); 6) Memelihara negeri; 7) Mengukuhkan akan negeri; 8) Mengawali negeri; 9) Meramaikan negeri; 10) Memperbaiki negeri; 11) Memelihara rakyat dan semua isi negara; 12) Memelihara harta benda orang; 13) Bencikan orang-orang jahat; 14) Meramaikan perniagaan; 15) Mengaturkan rezeki; 16) Mengaturkan orang-orang besar-besar; 17) Menjaga semua orang-orang besar-besar dan pegawai-pegawai supaya mereka jangan membuat jahat terhadap rakyat; 18) Jangan tama' harta orang; dan 19) Jangan tama' harta dunia. Seterusnya dalam hal berkaitan agama, raja adil

wajib: 1) Taat terhadap Allah SWT; 2) Ikut sabda Nabi Muhammad s.a.w.; 3) Mengukuh agama; 4) Membela Islam; 5) Mengumpulkan segala raja-raja Masyrik Maghrib; 6) Menjadi Khalifah Allah; 7) Berbuat ibadat; 8) Melaksanakan amalan secara baik-baik; 9) Jangan tukar agama dengan dunia; 10) Menuntut ilmu; 11) Membangun masjid; 12) Mengukuh akhlak; dan 13) Ikut tarikat.

Konsep keadilan tersebut menunjukkan bahawa fungsi baginda (sultan, raja besar, yang dipertuan besar) di Alam Melayu adalah sesuai dengan konsep kerajaan Islam (Islam Sunnah). Senarai sifat-sifat raja adil tersebut mencerminkan bahawa raja Melayu mempunyai kewajiban sebagai pemimpin agama (imamat), mahu pun sebagai pemimpin sekuler (imarat). Menurut Abu al-Hasan al-Mawardi (974-1058)<sup>20</sup> dan Abd al-Rahman Ibn Khaldun (1332-1406),<sup>21</sup> sultan perlu: 1) mempunyai nama yang baik sebagai orang yang berbudi; 2) pandai dalam ilmu usuluddin mahu pun juga dalam fikih; 3) menjadi orang yang bijaksana (*arif*) dalam pemerintahan negara; 4) menjadi orang yang berani (gagah) untuk melindungi isi negaranya dan mengalahkan musuh-musuhnya. Ibn Khaldun menegaskan juga, bahawa baginda perlu menjadi orang yang mempunyai rupa yang baik dan kesihatan yang sempurna (fizikal mahu pun juga mental):

Pemimpin yang dipengaruhi (diperintahi) oleh salah satu orang besarnya ialah bukan Khalif yang sesungguhnya. Pemimpin tsb. adalah seperti orang tawanan yang menghilangkan kebebasannya, dialah tidak sempat menunaikan kewajiban Khalif.

Demikian juga dalam *Tuhfat an-Nafis*, kita dapati suatu maklumat dengan maksud yang sama:

dan lagi membicarakan pula [Yang Dipertuan Muda Johor Raja Jaafar] daripada pekerjaan menetapkan kerajaan seri paduka anakanda baginda itu Sultan Abd ar-Rahman serta menabalkan dia serta

<sup>20</sup> *Al-Mawardi's Theory of the State* oleh Qamar-ud-Din Khan.1983; Petrushevsky Ilya P. (1966), *Islam in Iran in 7-15 c.* Leningrad.

<sup>21</sup> Ibn Khaldun, Abdurahman M. (1995), *Mukaddimah Ibn Khaldun*, Ed. Darweesh al-Jawydi. Beirut: al-Maktabah al-Asriyah; Lawrence, David, Ed. (1984), *Ibn Khaldun and Islamic Ideology I*. E. J. Brill, Leiden dan Petrushevsky Ilya P. (1966), *Islam in Iran in 7-15 c.* Leningrad.

hendakkan kerajaan dan kebesaran Johor yang kepada tangan paduka kakanda baginda Engku Puteri, kerana adat purba kala jikalau tiada kerajaan Johor itu belumlah lagi sah dan lahir namanya nama jara Johor itu demikianlah musyawarah sehari-hari jua adanya

TN - 321(348)

Begitu juga dengan kenyataan yang dikemukakan oleh al-Mawardi:

...hanya baginda yang mempunyai semua sifat-sifat tersebut dan yang berkuasa secara sesungguhnya, mampu melaksanakan semua tugas-tugasnya, iaitu membela Islam; menghukumkan secara adil dan menyelesaikan masalah-masalah sengketa di dalam 'ummah Muslim'; memastikan peribadatan secara betul-betul dan teratur (tak putus-putus); memastikan pelaksanaan undang-undang dan hukuman; menagih cukai-cukai secara adil, memelihara rezeki untuk semua kakitangan dan tentera dari hasil-hasil negara; mengaturkan orang besar-besar yang memerintahkan daerah-daerah takluknya; menjaga kerajaan dan mengawal semua yang berkaitan dengan hal ehwal pemerintah negara.<sup>22</sup>

Analisis perbandingan teks-teks sejarah Melayu Islam menunjukkan bahawa konsep keadilan yang dirakamkan dalam teks-teks tersebut adalah selaras dengan peraturan Islam dan Syari'ah Sunnah Syafi'iyah.

Dalam karya-karya sejarah Melayu Islam terdapat juga maklumat-maklumat mengenai *raja yang tidak adil*:

HRP	65(31) <i>Maka sabda sultan "Hai [seyyid] Semayamuddin, maukah engkau diam disini bersama-sama dengan aku atau tiadakah? maka ia berdatang sembah "ya Tuanku Syah Alam, jika patik diceraikan dengan tuan patik baiklah Syah Alam</i>	Maklumat mengenai raja yang tidak adil	- hukuman yang tidak adil
-----	---	--	---------------------------

<sup>22</sup> Mengenai sistem kerajaan Islam lihat Petrushevsky Ilya P. (1966), *Islam in Iran in 7-15 c.* Leningrad, h. 152-158; mengenai konsep kerajaan yang dirakamkan dalam teks-teks sejarah Melayu lihat Denisova T. (2005), *Syariat Dalam Karangan-karangan Sejarah Melayu Abad ke XVII-XIX.* Moscow.

	<p><i>ceraikan badan patik dengan kepala patik. Maka disuruh sultan (Malikul Mahmud, Pasai - T.D.) penggallah lehernya maka dipenggal orang lehernya. Maka disuruh oleh sultan kepalanya buangkan ke laut dan badannya disuruh sulakan di Kuala Pasai.</i></p> <p style="text-align: right;">HRP 65(31)</p>		
--	---	--	--

Di sini terdapat cerita mengenai seorang seyyid yang amat ikhlas dan taat kepada Sultan Mahmud Syah (salah seorang saudara sultan) sesuai dengan sumpah setia. Tetapi dia difitnahkan oleh orang zalim dan dibunuh atas pesan sultan yang tidak adil. Lebih daripada itu mayat sayyid tersebut diberikan penghinaan. Kedua-dua perkara itu adalah dosa, iaitu: hukuman yang tidak adil dan kemungkiran peraturan-peraturan syari'at mengenai penguburan mayat. Balasan pun semestinya akan terjadi, iaitu sultan Malik al-Mansur mangkat semasa bersembahyang di makam Sayyid Semayyamuiddin tersebut dan negerinya menjadi mundur.

SM	<p><i>"Bahawa aku kedatangan suatu pekerjaan yang termusykil, dan hilanglah budi bicaraku karena tertawan oleh hafsuku dan binasalah pekerjaanku sebab terkeras hawa nafsuku."</i></p> <p style="text-align: right;">SM 43(52)</p>	Maklumat mengenai raja yang tidak adil	- hawa nafs
----	--	--	-------------

Maklumat di atas mengandungi cerita tentang Sultan Malik al-Mansur yang berahi akan perempuan dayang-dayang dari istana Sultan Malik al-Zahir. Ternyata dalam *Sejarah Melayu* sultan itu juga dianggap sebagai raja yang tidak adil.

	<p><i>"Seri Sultan Iskandar Syah sangat kasih seorang gundik anak perempuan bendahara Sang Rajuna Tapa namanya. "maka difitnahkan oleh segala gundik yng lain, dikatakannya berbuat jahat. Maka Sultan Iskandar Syah terlalu murka</i></p>	Maklumat mengenai raja yang tidak adil	- hukuman yang tidak adil
--	--	--	---------------------------



	<p><i>disuruh baginda diperjangkangkan di ujung pasar. Maka Sang Rajuna Tapa pun terlalu malu melihat hal anaknya itu. Maka katanya "Jikalau sungguh sekali pun anak hamba ada berbuat jahat, bunuh saja-saja. Mengapatah maka diberi malu demikian itu"</i></p> <p style="text-align: right;">SM 47(56)</p>		
--	--	--	--

Di sini kita temui cerita mengenai hukuman yang tidak adil. Gundik dibunuh tanpa alasan dan tanpa penyiasatan yang sepatutnya. Apa lagi cara hukuman tidak sesuai dengan syariah. Balasan yang menimpa mereka ialah orang Majapahit melanggar Singapura. Ramai orang yang mati dan sultan Iskandar Syah lari.

<p>HA</p>	<p><i>"Maka ada pekerjaannya hanya bermain daripada suatu tempat kepada suatu tempat dan tiada ia kelenggara akan sesuatu pekerjaan yang meliharakan negeri.</i></p> <p style="text-align: right;">HA 30(15)</p> <p><i>"Sultan Salah ad-Din itu tiada sempurna budi dan kurang bicara merintahkan kerajaan."</i></p> <p style="text-align: right;">HA 30(15)</p>	<p>Maklumat mengenai raja yang tidak adil (Sultan Salah ad-Din (937-956))</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Tidak memelihara negeri</li> <li>- Tiada sempurna budi</li> <li>- Kurang bicara</li> </ul>
	<p><i>"Maka ada sultan itu (Sultan Seri Alam) terlalu murah. Maka pada tiap-tiap hari daripada waktu duha hingga hampir waktu maghrib sultan itu semayam di Lepau Jumaat. Tatkala itu segala raja-raja dan kadi dan segala hulubalang yang besar-besar dan segala fakih dan segala abintara dan segala Bujang Sabil Allah dan segala Bujang Khayal Allah dan segala Bujang Dandani dan segala Mujahid al-Iman... berdiri ngadap di halaman Istana Daulat-Khana. ...Maka Sultan Seri Alam memberi karunia akan mereka itu sekalian daripada emas dan perak dan daripada pakaian yang mulia-mulia, masing-masing pada martabat</i></p>	<p>Maklumat mengenai raja yang tidak adil (Sultan Seri Alam (994-995))</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Terlalu murah</li> <li>- Kurang budi</li> <li>- Kurang bicara</li> <li>- Tidak gagah ("raja perempuan")</li> </ul>

<p>mereka. Maka ada sekalian mereka itu jadi kaya daripada sebab banyak karunia sultan itu.”</p> <p style="text-align: right;">HA 69(30)</p> <p>“kerena tuan kita Sultan Seri Alam ini raja perempuan, kurang budi dan bicara”</p> <p style="text-align: right;">HA 70(31)</p> <p>(pada akhirnya ma'zul)</p>		
<p>“...sultan itu netiasa berangkat keluar bermain di medan berjuang-kan gajah menta dan gajah yng tiada menta dan beberapa orang mati ditikam gajah.”</p> <p style="text-align: right;">HA 71(31)</p> <p>“... berjuangkan gajah yng kecil-kecil dan beterkapkan kerbau dan lembu dan...biri-biri. Maka tatkala beterkapkan kerbau itu beberapa orang mati dan patah dan capik dan buta... dan menyuruh orang bertangkis dan bermain dan bermain perisau... dan menyuruh pendekar Aceh bertetak dng pendekar Keling dan beberapa orang mati... dan beberapa berluka. Dan menyuruh orang bergusti dan berempas dan menyurui orang nyerama. Dan menyuruh orang Pigu bertaki-taki dan beberapa pecah mukanya dan kembung pipinya. Dan menyuruh orang Tiku dan orang Pariaman bermainkan kris panjang dan beberapa mereka itu luka”</p> <p style="text-align: right;">HA (72)(32)</p> <p>“...menyuruh Jawa bermain tombak dan bermain wayang dan gender dan orang bertandak dan mengigal dan netiasa menyuruh orang bernyanyi dan berharbab dan kecapi dan berbangsi dan serba bagai permainan ...”</p> <p style="text-align: right;">HA (72)(32)</p>	<p>Maklumat mengenai raja yang tidak adil Sultan Zainal 'Abidin (995-997)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Tidak memelihara orang-orang</li> <li>- Tidak memelihara negara</li> <li>- Pembunuhan yang tidak adil</li> <li>- Kurang berbudi (suka main-main)</li> </ul>

HS	<p>"Akan baginda, tiada boleh beristeri kerana berbini akan peri. Tiada diperduli akan kerajaan, pulang kepada Bendahara memegang perintah negeri." HS 403(107)</p>	<p>Maklumat mengenai raja yang tidak adil Sultan Mahmud 1488-1511</p>	<p>- Tidak peduli akan kerajaan - Berbini dengan peri</p>
	<p>"Maka dipanggillah bini Megat serama itu. Maka iapun datang. Maka lalu dibelah perutnya. Dan itu anak yang didalam mengisap nangka itu. Maka bini Megat Serama itu mati. Maka kedengaranlah khabar kepada Megat Serama bini-nya mati, dibunuh Yang Dipertuan, tiada dengan satu salahnya." HS 404(108)</p>	<p>Maklumat mengenai raja yang tidak adil Sultan Mahmud 1488-1511</p>	<p>- Pembunuhan yang tidak adil</p>
	<p>"Maka Seri Rama kena bisa keris baginda itu, tiada terjalan lagi. Maka ditakdirkan Allah Taala, tumbuh rumput di celah lukanya, empat tahun, hidup tiada, mati tiada. Menanggung seksa dan derhakanya." HS 409(112)</p>	<p>Maklumat mengenai pembunuhan sultan</p>	<p>- Durhaka (pembunuhan sultan)</p>

Maklumat yang terakhir ini mencerminkan salah satu unsur konsep kerajaan yang utama yang dirakamkan dalam teks-teks sejarah Melayu Islam. Menurut konsep tersebut mendurhakai dan membunuh sultan adalah suatu dosa walaupun sultan itu zalim. Menurut pendapat Badr al-Din Muhammad Ibn Jama'ah (1241-1333):

perlu patuh (mentaati) kepada sultan walaupun dia adalah pemimpin yang zalim, yang tidak adil, yang kurang berbudi mahupun kurang pandai dalam shari'a.<sup>23</sup>

<sup>23</sup> Ibn Jama'ah (1987), *Tahrir al-Ahkam fi Tadbir Ahl al-Islam*. Dr. Fu'ad 'Abdul-Mun'im Ahmad (ed.), Mu'assasat al-Khalij. Tentang Ibn Jama'ah lihat juga: Elie Kedourie (1992), *Politics in the Middle East*. Oxford: Oxford University Press. Tentang konsep kerajaan lihat Petrushevsky Ilya P. (1966), *Islam in Iran in 7-15 c*. Leningrad. h. 152-158; mengenai konsep kerajaan yang dirakamkan dalam teks-teks sejarah Melayu lihat Denisova T. (2005), *Syariat Dalam Karangankarangan Sejarah Melayu Abad ke XVII - XIX*. Moscow.

Imam Abu Hamid al-Ghazali (1058-1111) menegaskan juga, bahawa "*rakyat semestinya perlu mentaati kepada sultan, kerana kerajaan yang zalim pun lebih baik daripada perselisihan.*"<sup>24</sup> Ternyata konsep ketaatan yang tersebar dalam pandangan awam dalam masyarakat Melayu adalah selaras dengan tradisi Islam Sunnah Syafi'i.

Menurut Islam setiap kezaliman (jahat, dosa) semestinya akan dibalas oleh Allah SWT. Maklumat-maklumat yang merujuk konsep yang sama boleh didapati dalam *Tuhfat an-Nafis*:

TN	<p>"Adalah sebabnya itu Raja Iskandar Syah itu ada menaruh seorang gundiknya daripada anak menterinya yang bernama Sang Sarjuna Tapa yang bergelar penghulu bendahari. Maka difitnahkan oleh seorang daripada gundiknya mengatakan gundik baginda anak penghulu bendahari bermukah dengan seorang laki-laki. Maka murkalah raja Iskandar Syah akan gundiknya anak penghulu bendahari itu lalu disuruhnya akan seorang membunuhnya. Kemudian disuruhnya pula pancungkan di Hujung pasir, padahal pekerjaan itu tiada dengan usul periksa lagi"</p> <p style="text-align: right;">TN 4(6)</p> <p><b>Balasan:</b> Singapura kalah dalam perang di Mempawah dan dilanggar dngn Majapahit.</p>	Maklumat mengenai raja yang tidak adil	- Hukuman yang tidak adil
	<p>"Shahdan apabila bapaknya tahu akan hal anaknya diperbuat yang demikian itu maka malulah ia seraya katanya; "Jikalau sungguhpun dosanya, bunuhlah dengan bersembunyi, janganlah dilahirkan di tengah-tengah negeri jadi tampaklah aib dirinya kerana iapun sudah dibesarkan" Shahdan marahlah hatinya naik api marahnya itu membakar akalunya. Maka</p>	Maklumat mengenai pembalasan atas durhaka	- Durhaka - Belot

<sup>24</sup> Dipetik dari Petrushevsky Ilya P. (1966), *op. Cit.*, h. 159.

	<p><i>lalu ia memberi surat kepada Raja Majapahit, kerana Raja Majapahit pada masa itu berseteru dengan Raja Paduka Iskandar Syah. Maka apabila dapat jalan ada yang belot di dalam negeri Singapura.</i></p> <p style="text-align: right;">TN 4(6-7)</p> <p><b>Balasan:</b> ... Adapun Sang Rajuna Tapa itu... maka lalulah ia masuk ke dalam belubur beras. Maka belubur beras pun tumbanglah ke dalam parit. Maka terjatuhlah Sang Rajuna itu bersama-sama rumah belubur beras itu. Lalulah ia mati dengan anak isterinya menjadi batu konon.</p> <p style="text-align: right;">TN 4(6-7)</p>		
	<p><i>“Maka masa kerajaan baginda inilah (Sultan Mahmud Syah anak Sultan Ala ad-Din Riayat Syah) ia membunuh saudaranya itu, yaitu yang bernama Raja zainal, kerana Raja Zainal itu adalah baik parasnya cantik manis, memberi ghairat segala hati perempuan melihat ianya. dan banyak anak-anak orang melaka berahi akan dia hingga anak isteri orang tiadalah berketentuan mengidahi Raja Zainal itu dengan bunga bergubah dan sirih bersulur. Mana-mana yang berkenan diambalnya, dan mana-mana yang tiada berkenan diberikannya kepada segala juak-juaknya. Maka cabullah negeri Melaka itu dengan hal yang demikian itu.”</i></p> <p style="text-align: right;">TN 7(9)</p> <p><b>Balasan:</b> dibunuh oleh saudaranya</p>	<p>Maklumat mengenai raja yang tidak adil</p>	<p>- Lucah (cabul)</p>
	<p><i>“Maka apabila lepas Baginda Sultan Mahmud itu membunuh Bendahara Seri Maharaja itu dengan tiada sebenarnya,</i></p> <p><b>Balasan:</b> maka datanglah kada' Allah Taala iaitu datanglah Peringgi melanggar negeri Melaka.</p> <p style="text-align: right;">TN 8(10)</p>	<p>Maklumat mengenai raja yang tidak adil</p>	<p>- Hukuman yang tidak adil</p>

<p>"Syahdan puteranya Sultan Ahmad Syah itu murah perangainya, akan tetapi tiada suka akan orang tuha-tuha serta dihina-hinakannya segala orang besar-besar, dan dilakukannya pekerjaan yang tiada patut dan bukan yang bukan patut-patut atas orang tuha-tuha dan orang besar-besar.</p> <p style="text-align: right;">TN 9(11)</p> <p><b>Balasan:</b> Maka Sultan Mahmud pun murka lalu diracunnya putera itu maka mangkatlah Sultan Ahmad Syah."</p> <p style="text-align: right;">TN 9(11)</p>	<p>Maklumat mengenai raja yang tidak adil</p>	<p>- Kurang budi (adab) terhadap orang tuha-tuha</p>
<p>"Sultan Ala ad-Din Riayat Syah (Raja Mansur anak Suyultan abd al-Jalil)... tiada hirau akan kerajaannya, asyik dengan permainan sahaja. Maka Raja Abdullah bersama dengan bendahara memangku kerajaan bagin da itu, seolahi-olahi Raja Abdullah kerajaan di negeri Johor itu."</p> <p style="text-align: right;">TN 11(13)</p> <p><b>Balasan:</b> Johor alah dilanggar oleh raja Aceh</p>	<p>Maklumat mengenai raja yang tidak adil</p>	<p>- Tidak memelihara kerajaan</p>
<p>"Adalah baginda itu berbinikan peri konon, iaitu dari bangsa jin maka jadilah baginda itu tiada suka seketiduran dengan isterinya yang bangsa manusia itu."</p> <p style="text-align: right;">TN 43(47)</p> <p>"Maka kata penghulu istana kepada baginda "Ada yang tiada baik tadi, patik berikan kepada bini Megat seri Rama daripada terbuang sahaja" Apabila ia mendengar sembah penghulu istana itu maka baginda pun murkalah, lalu disuruhnya panggil bini Megat Seri Rama itu, lalu dibelahnya perutnya, dikeluarkanmya anaknya dari dalam perutnya itu. Maka matilah bini Megat Seri Rama itu"</p> <p style="text-align: right;">TN 43(47)</p>	<p>Maklumat mengenai raja yang tidak adil Sultan Mahmud (1488-1511)</p>	<p>- Berbinidengan peri - Tidak seketiduran dengan isterinya - Lucuh (cabul)</p>

	<p>“membunuh saudaranya,... mengambil tunangan raja Pahang,... hendak meminang Puteri Gunung Ledang (peri),... suka bermain-main muda dengan isteri-isteri menterinya,... membunuh bendaharanya kerana berahi anaknya”</p> <p style="text-align: right;">TN 7-8 (11)</p> <p><b>Balasan:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Peringgi melanggar negeri Melaka</li> <li>- Dibunuh oleh seorang besarnya</li> <li>- Wafat tidak ditingalkannya anak (pewaris)</li> <li>- Kerajaan berpindah kepada dinasti bendaharanya</li> </ul>		
	<p>“Maka dipersembhkannya kepada Sultan Mahmud: yang berangkat ke Singapura itu bermain-main itu selalu amat ke negeri pihak perbatasan orang kurangnya pada raja-raja. Terlebih baik membaiki negeri sendiri serta meramaikan dia”Maka tiadalah dihiraukan oleh Sultan Mahmud persembahan Raja Ali itu.</p> <p style="text-align: right;">TN 413(421)</p> <p>“demikian lagi Tengku Temenggung Singapura pun selalu-lalu juga memberi nasihat ajaran yang baik kepada raja-raja serta menyilakan balik ke Lingga, supaya tetap di dalam kerajaan negeri sendiri. Di dalam hal itu tiada juga baginda itu mengendahkan hingga bermain-main jua ia di dalam negeri singapura itu berjalan ke sana ke mari pada tempat yang patut dan kepada tempat yang tiada patut, yang menyalahi pada adat istiadat perjalanan raja-raja.”</p> <p style="text-align: right;">TN 413(421)</p> <p>“Kemudian berangkatlah pula ia (Sultan Mahmud) ke Singapura bermain-main. Maka lalulah masuk satu itikad kemuafakatan orang-orang nasari yang bernama permisyun, dan bersahabatlah ia dengan satu orang Parsi yang bernama kersaji,</p>	<p>Maklumat mengenai raja yang tidak adil Sultan Mahmud (mangkat 1864)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Tidak memelihara negara</li> <li>- Tidak memelihara kerajaannya</li> <li>- Tidak muafakat dengan orang besar-besar</li> <li>- Tidak ikut nasihat-nasihat</li> <li>- Kurang budi</li> <li>- Masuk itikad yang bukan islam.</li> <li>- Ikut tradisi yang</li> </ul>

<p><i>bukannya Parsi itu iang Islamnya. Kemudian daripada itu ianya balik ke Lingga berbuat istana seperti rumah orang putih, indah-indah juga perbuatannya serta dengan besarnya. Maka belauum-lah pernah raja-raja yang di dalam negeri Lingga dan Riau memperbuat istana yang demikian itu serta cukup dengan alat perkakasnya yang indah-indah dan halus-halus serta ditaruhnya beberapa makanan orang putih minum-minuman di dalam istana itu, serta beberapa gambar-gambar pada dinding-dinding istana itu. Dan apabila orang putih seperti residen Riau dan lainnya maka istana itulah diterimanya serta diperjamunya makan minum demikian halnya. Dan beberapa pula anjing-anjing yang besar-besar ditaruh di situ dengan dipeliharanya seperti adat peliharaan orang putih jua adanya. ... Adapun rumah seperti rumah orang putih itu tiada menjadi cacat melainkan hendaklah jangan diubahkan itikad adanya.</i></p> <p style="text-align: right;">TN 428(439)</p> <p><i>"Maka apabila Sultan Mahmud sudah sampai ke Singapura maka diamlah ia di rumah sahabatnya orang kafir Majusi itu daripada bangsa orang parsi yang bernama Kersaji"</i></p> <p style="text-align: right;">TN 434(446)</p> <p><b>Balasan:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Diturunkan dari tahta oleh pentadbiran Belanda</li> <li>- Johor hilangkan kebebasannya</li> </ul>		
<p><i>"Pangeran Agung sangat tamaknya hendak menjadi raja di dalam negeri Matan itu. Maka tiadalah sabar akan perhiasan dunia ini."</i></p> <p style="text-align: right;">TN 58(61)</p>	<p>Maklumat mengenai raja yang tidak adil</p>	<p>- Tiada sabar akan perhiasan dunia ini</p>



	<p><b>Balasan;</b>  - Kalah di dalam perang dengan raja-raja  Opu di Matan  - Dipenjarakan hingga mati</p>		
--	--	--	--

Salah satu unsur asas dalam konsep keadilan itu adalah nafsu. Nafsu dianggap sebagai sebab (alasan) yang utama kenapa manusia menghilangkan keadilannya, melupakan kewajibannya dan ikut jalan yang jahat. Nafsu bermakna kegiatan atau keadaan yang tidak adil, iaitu ketidakadilan. Prof. Syed Muhammad Naquib al-Attas menjelaskan definisi ketidakadilan (injustice) sebagai berikut:

The Holy Qur'an repeatedly stresses the point that man, when he does wrong, is being unjust (zalim) to himself, and that injustice (zulm) is a condition wrought by man upon his self<sup>25</sup>... Though in Islam injustice ostensibly applies between man and God, and between man and man, and between man and his self, in reality, however, injustice is ultimately applicable - even in the two former cases - to man's self alone; in the islamic world point of view and spiritual vision, whether he does wrong to another man, it is really to his own self that he does wrong. Injustice being the opposite of justice, is the putting a thing in a place not its own; it is to misplace a thing; it is to misuse or to wrong; it is to exceed or fall short of the mean or limit; it is to suffer loss; it is deviation from the right course; it is disbelief of what is true, or lying about what is true knowing it to be true. Thus when a man does an act of injustice, it means that he has wronged his own soul, for he has put his soul in a place not its own; he has misused it; he has made it to exceed or fall short of its real nature; he has caused it to deviate from what is right and to repudiate the truth and to suffer loss. All that he has thus done - in one way or another - entails a violation of his Covenant with God".<sup>26</sup>

<sup>25</sup> Lihat *Surah an-Nisa'*, 4: 123; *Yunus*, 10: 44. Lihat juga Syed Muhammad Naquib al-Attas (1993), *Islam and Secularism*. h. 77.

<sup>26</sup> *Ibid.*, h.77-78.

Konsep nafsu atau ketidakadilan yang dirakamkan dalam teks-teks sejarah Melayu Islam adalah selaras dengan tamadun Islam sebagaimana yang diperjelaskan oleh Prof. al-Attas di atas. Dosa yang dibuat oleh orang yang zalim atau semua nafsu-nafsu yang membakar hati orang yang zalim pada akhirnya akan *balik* dan menghapuskan orang zalim tersebut. Raja yang tidak adil pada akhirnya akan kehilangan kerajaannya, negara yang tidak adil pada akhirnya akan mundur dan akan hilang kebebasannya, setiap perkara-perkara yang jahat pada akhirnya akan dibalas oleh Allah SWT. Inilah amaran dan nasihat peringatan yang utama yang dirakamkan dalam semua karya-karya sejarah Melayu Islam kurun ke-13 sehingga ke-19.

Istilah-istilah yang diketemui berkaitan amaran tentang nafsu pula pelbagai bentuknya. Dalam ajaran tersebut pengarang biasanya memakai bahasa dan kosa kata yang penuh dengan gaya atau perasaannya dan sangat beribarbat. Maklumat-maklumat ini mencerminkan perbuatan-perbuatan dan kemahuan, yang menurut pandangan masyarakat Melayu Islam kurun ke 13 sehingga ke 19, dianggap sebagai hawa nafsu dan dosa-dosa yang paling besar. Di antaranya disebutkan sebagai berikut: *syirik, itikad mulhid, mengaku dirinya Allah Taala, derhaka (durhaka), murtad, mengubah sumpah setia, pembunuhan raja, pembunuhan tanpa hukuman atau tanpa izin raja, honar (onar) yang memberi kegeruhan atas negeri, tanpa, fitnah, tipu (menipu), murka, marah, tiada sabar, ikut hawa nafsu syaitan, benci (dengki), dendam, tamak, loba, judi, sabung, cabul laki-laki dengan perempuan, menyanyi-menyanyi beranyut dengan pantun sindir menyindir pada pekerjaan zinah dan sebagainya.*

HA	<p>"...maka berbangkit api amarahnya" HA 32(16)</p> <p>"Maka cemburu sultan Ghori dan Sultan Mughal akan saudaranya itu"(ya'ni - Sultan Ali Ri'ayat Syah dari Aceh) HA 56(25)</p>	<p>mene- nai Sultan Salah ad-Din</p>	<p>- Marah - Cemburu</p>
----	---	--	------------------------------

<p>SM</p>	<p><i>"Bahawa aku kedatangan suatu pekerjaan yang termusykil, dan hilanglah budi bicaraku karena tertawan oleh hafsuku dan binasalah pekerjaanku sebab terkeras hawa nafsuku."</i></p> <p style="text-align: right;">SM 43(52)</p>	<p>mengenai Sultan Malik al-Mansur yang berahi akan suatu perempuan dayang-dayang dari istana Sultan Malik al-Zahir</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Nafsu</li> <li>- Hilang budi bicara</li> </ul>
<p>TN</p>	<p>49(51) maka datanglah takdir Allah Taala maka berbuatlah isteri Arung Boneh itu suatu pekerjaan yang tiada patut ada syaria dan adat, iaitu bermain muda dengan anak Raja Mengkasar. Maka kedatangan dengan Opu Dahing parani, maka lalu ditikam oleh Opu Dahing Parani dengan keris yang diberi oleh Arung Boneh.</p>	<p>Mengenai zinah dan hukuman</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Zinah</li> </ul>
<p>TN</p>	<p><i>"Mangkin menyalahlah fitnah daripada sehari kepada sehari makin banyaklah fitnah mangkin besar, umpama api mangkin besarlah nyalanya, akhir-akhirnya tiada dapat dipadamkan lagi."</i></p> <p style="text-align: right;">TN 61(64)</p> <p><i>... maklumlah sahaja akal orang perempuan apabila ia sudah marah atau benci, memperbuatlah ia akan pekerjaan yang tiada patut dan tiada memikirkan awal akhir di belakang kali."</i></p> <p style="text-align: right;">TN 61(64)</p>	<p>Nasihat-nasihat</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Fitnah</li> <li>- Hawa nafsu</li> <li>- Marah benci</li> </ul>

Amaran tentang hawa nafsu dikarang dengan bahasa yang sangat ekspresif gayanya. Misalnya sebagai berikut:

Inilah [nafsu - T.D.] menjadi pokok **hasad al-mahsud wa hakid al-mahkud**, yakni pekerjaan yang dengki pada yang didengki dan pekerjaan dendam yang didendamkan masing di dalam hati.

TN 124.11 (271); 132.11(281)

... Bertambahlah **dendam hatinya** bernyalalah makin lama makin besar. **Maka apabila api itu sudah besar payahlah padamnya** dan ... menjadi seterulah **api** itu dan **marah**. **Maka memakanlah api itu akan akal yang baik**. Maka keluarlah bunga api itu pada perkataan dan pada kelakuan pada mencari apa-apa yang akan menjadi kebinasaan dan kesusahan atas seterunya

TN 125.1 (272); 279.11 (465)

... Maka jadilah didukacitanya itu susahnya seumpama **api maka memakanlah kepada sabarnya**. **Maka hilanglah sabarnya** itu jadi melakukan dan **mengikutkan hawa nafsunya...**

TN 251.11 (430)

...Makin lama makin besar **fitnah itu seumpama api payahlah memadamkannya**. Maka apabila sudah besar **sukar memadamkannya** hingga selesai yang dimakannya itu baharulah berhenti

TN 279.11 (465)

...Maklumlah sahaja akal orang perempuan, apabila ia sudah **marah atau benci** memperbuatlah ia pekerjaan yang tidak patut dan tiada memikirkan awal akhir di belakang kali

TN 61.11 (196); 124.11 (271)

...Lebih maklumlah di dalam dunia ini tiada sunyi daripada **tamak dan loba**. Di dalam hal itu ber-dengki-dengkiannya **antara nikmat yang lebih akan nikmat yang kurang**. Maka itulah jadi pokok per-bantahan dan perkelahian kerana dunia ini negeri yang picik tiadalah memenuhi nafsu seorang istime-wa pula pada **nikmat kerajaan**

TN 266.11 (449)

...Lebih maklumlah **fikiran orang muda** dengan fikiran orang tua yang biasa memegang negeri kerajaan dengan orang muda yang belum biasa dan belum lama di dalam memegang pekerjaan kerajaan, maka tiada pula suka amat mendengar **nasihat dan ajaran** orang tua-tua, serta mengikutkan **hawa nafsunya** akan dirinya ... Maka kerana sebab inilah jadi pokok **persalahan paham**

TN 414.11-415.1 (599-600)

Di bawah pemerintahan yang tidak adil dan sebagai akibat hawa nafsu serta perbuatan-perbuatan yang tidak patut, negeri berkenaan akan merosot juga dan pada akhirnya jatuh. Analisis kosa kata yang digunakan dalam bahagian-bahagian tersebut mendedahkan kriteria-kriteria kelemahan negeri dan ciri-ciri kemerosotannya. Kriteria-kriteria ini adalah sebagai berikut: *negri sunyi, beras mahal, rakyat-rakyat banyak kelaparan, orang miskin, kesakitan, kerugian daripada keuntungan orang-orang yang berniaga, negeri rosak, perdagangan mati dan lain-lain.*

Di dalam *Tuhfat al-Nafis* kita temui juga beberapa maklumat yang menggambarkan keadaan kemunduran. Misalnya sebagai berikut:

Dan **negri pun sudah sunyi, beras pun mahallah** hingga berharga seemas tiada penuh sapu tangan sirih. Dan **kesakitanlah** segala **orang miskin**, rakyat-rakyat pun banyak **kelaparan**, hingga setengah daripada setengahnya mengambil ubit setu di pulau Bayan dan ada yang mengambil umbut nibung memakannya apalagi merandau keledak dan ubi keladi dengan beras. Maka iaitu kebanyakanlah nama perahu dagang, maka sebuah pun tiada masuk, maka sunyilah negri Riau pada masa itu adanya.

...**Beras mahal** di dalam Selangor berharga lima gantang seringgit demikian lagi segala makanan yang lainnya.

...maka beberapa **kerugian daripada keuntungan orang-orang yang berniaga** dan saudagar-saudagar di dalam negeri Siam dan Cina dan Koci

TN 148.11(302); 249.11(428); 249.1(427); 250.1(428)

Analisis kosa kata bahasa Melayu klasik dan juga penelitian terhadap semua bahan dan maklumat yang berkaitan dengan konsep keadilan ini membuktikan secara jelas bahawa dalam masyarakat Melayu sudah wujud *sistem kerajaan* dan *sistem akhlak* dan *ta'dib* yang lengkap yang sesuai dengan rukun-rukun Islam Sunnah.

### Kesimpulan

Berdasarkan pembentangan dan analisis teks-teks sejarah Melayu Islam kurun ke 13 hingga kurun ke 19 di atas, berikut dikemukakan beberapa fakta kesimpulan.

1. Kajian teks-teks sejarah Melayu Islam kurun ke 13 sehingga ke 19 menunjukkan bahawa di dalamnya terdapat banyak istilah dan maklumat yang berkaitan dengan falsafah. Kosa kata yang dipakai oleh pengarang-pengarang teks tersebut adalah pelbagai bentuk dan subjeknya. Kebanyakannya berasal dari Bahasa Arab atau menyerupai kata-kata tercampur, iaitu kata-kata Bahasa Arab yang sudah dimelayukan, iaitu sudah diterima bentuk dan cara perubahannya sesuai dengan tata Bahasa Melayu. Ini membuktikan bahawa Bahasa Melayu Klasik tersebut sudah *diislamisasikan*. Hal ini juga memcerminkan bahawa kehidupan intelektual dan pandangan awam umat Melayu telah *diislamisasikan* juga.
2. Walaupun setiap teks mempunyai ciri-ciri khasnya, terdapat juga suatu ulangtetap yang umum dari sudut isi maklumat-maklumat tersebut dan juga dari sudut gaya bahasa dan subjek-subjeknya. Ini membuktikan bahawa semua karya-karya tersebut mewakili tamadun historiografi yang sama.
3. Dalam teks-teks sejarah Melayu Islam terdapat banyak rumusan yang mencerminkan konsep keadilan, konsep kerajaan dan konsep hukum pembalasan. Ketiga-tiga konsep tersebut mempunyai hubungan yang sangat erat. Biasanya dalam maklumat tentang *kerajaan yang adil* selalu terdapat keterangan mengenai ciri-ciri keadilan dan mengenai cara-cara memerintah negara secara adil. Sebutan

mengenai *raja yang tidak adil* disambungkan dengan keterangan mengenai ciri-ciri kerajaan yang tidak adil. Setiap sebutan tentang dosa, nafsu, perbuatan yang jahat atau baginda yang tidak adil biasanya disambungkan dengan cerita mengenai pembalasan yang sewajarnya yang dilaksanakan oleh Allah SWT terhadap orang atau negeri yang salah. Ini di samping amaran terhadap hawa nafsu. Konsep-konsep ini adalah amat penting dan ia terdapat dalam semua karya-karya sejarah.

4. Analisis maklumat-maklumat tentang *raja adil* yang dirakamkan dalam karya-karya sejarah Melayu Islam kurun ke 13 sehingga ke 19 membantu kita memahami definisi-definisi keadilan yang wujud dalam masyarakat Melayu pada masa itu. Ternyata dalam semua teks sejarah tersebut terdapat banyak pernyataan tentang sifat-sifat yang sama walaupun setiap teks tersebut turut mempunyai ciri-ciri khasnya.
5. Perbezaan maklumat yang wujud dalam teks-teks ini mencerminkan situasi sejarah yang sebenar dan ia menggambarkan perubahan yang berlaku dalam pandangan awam yang wujud di pelbagai negeri Melayu dalam tempoh di antara kurun ke 13 sehingga kurun ke 19. Hal ini membuktikan bahawa karya-karya sejarah Melayu Islam sememangnya boleh dianggap sebagai sumber-sumber sejarah. Teks-teks tersebut mengandungi banyak bahan bersejarah dan ia menggambarkan suasana masyarakat Melayu secara sebenar. Oleh itu penggunaan kaedah-kaedah penelitian yang lengkap dan objektif adalah perlu dalam usaha membina semula adat-istiadat dan tamadun Melayu lama.
6. Analisis maklumat-maklumat di atas menunjukkan bahawa dalam historiografi Melayu Islam telah wujud konsep keadilan yang lengkap (dan yang umum). Definisi “raja adil” mengandungi unsur-unsur; *sifat-sifat kemanusiaan* (rupa yang baik, suara yang hebat, budi dan adab, bahasa yang ikhlas, keberanian, kesabaran, pemurahan, kebijaksanaan

dll.), *kemahiran* (dalam bidang usuluddin, fikah, pemerintahan negara, peperangan, perdagangan, perundingan dll.), *kewajiban* (taat terhadap Allah SWT dan Nabi Muhammad SAW, menyebarkan dan mengukuh Islam, merajakan secara adil, menghukumkan secara adil, menuntut undang-undang, melindungi negara dan rakyat, meramaikan perdagangan, menuntut ilmu dan akhlak dll.). Konsep keadilan tersebut menunjukkan bahawa definisi baginda (sultan, raja besar, yang Dipertuan Besar) dalam Alam Melayu adalah sesuai dengan konsep kerajaan Islam (Islam Sunnah). Senarai sifat-sifat raja adil mencerminkan bahawa raja Melayu mempunyai kewajiban sebagai pemimpin agama (*imamah*), mahu pun juga sebagai pemimpin sekuler (*imarah*). Konsep keadilan yang dirakamkan dalam teks-teks sejarah Melayu Islam adalah selaras dengan peraturan Islam dan Syari'ah Sunnah Syafi'iyah.

7. Dalam karya-karya sejarah Melayu Islam terdapat juga maklumat mengenai "raja yang tidak adil." Sifatnya digambarkan sebagai; tidak memperhatikan negara; tidak ikut nasihat-nasihat orang-orang yang tuha-tuha, terlalu berminat atas harta-harta dunia, hukumannya tidak adil, dia tidak bertaat terhadap agama Islam dan ikut hawa nafsu. Konsep nafsu atau ketidakadilan yang dirakamkan dalam teks-teks sejarah Melayu Islam adalah selaras dengan tamadun Islam. Dosa yang dibuat oleh orang yang zalim atau semua nafsu-nafsu yang membakar hati orang yang zalim pada akhirnya akan kembali atau balik dan menghapuskan orang zalim tersebut. Raja yang tidak adil pada akhirnya akan kehilangan kerajaannya, negara yang tidak adil pada akhirnya akan mundur dan hilang kebebasannya. Setiap perkara yang jahat pada akhirnya akan dibalas oleh Allah SWT. Inilah amaran dan nasihat peringatan yang terutama yang dirakamkan dalam semua karya-karya sejarah Melayu Islam kurun ke 13 sehingga ke 19.



8. Istilah-istilah yang diketemui dalam amaran terhadap nafsu adalah pelbagai bentuknya. Pengarang memakai bahasa dan kosa kata yang penuh dengan gaya atau perasaannya dan sangat beribarar. Maklumat-maklumat tersebut mencerminkan perbuatan-perbuatan dan kemahuan yang dianggap sebagai hawa nafsu dan dosa-dosa yang paling besar. Di antaranya termasuk *syirik*, *itikad mulhid*, *mengaku dirinya Allah Ta'ala*, *derhaka (durhaka)*, *murtad*, *mengubah sumpah setia*, *pembunuhan raja*, *pembunuhan tanpa hukuman atau tanpa izin raja*, *honar (onar) yang memberi kegeruhan atas negeri*, *tampa*, *fitnah*, *tipu (menipu)*, *murka*, *marah*, *tiada sabar*, *ikut hawa nafsu syaitan*, *benci (dengki)*, *dendam*, *tamak*, *loba*, *judi*, *sabung*, *cabul laki-laki dengan perempuan*, *menyanyi-menyanyi beranyut dengan pantun sindir menyindir pada pekerjaan zinah* dan sebagainya.
9. Analisis kosa kata bahasa Melayu klasik dan juga penelitian bahan-bahan dan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan konsep keadilan itu membuktikan secara jelas bahawa dalam masyarakat Melayu wujud *sistem kerajaan* dan *sistem akhlak* dan *ta'dib* yang lengkap yang sesuai dengan rukun-rukun Islam Sunnah.

